

## Sub-budaya Muzik Rock Bawah Tanah di Kalangan Remaja Bandar Underground Rock Music Sub-Culture Amongst Youth in the City

ROKIAH ISMAIL

### ABSTRAK

*Penglibatan golongan remaja dalam muzik rock bawah tanah bukanlah merupakan sesuatu yang baru. Muzik rock bawah tanah dan budayanya yang khusus memainkan peranan tertentu bukan sahaja dari segi mempelbagaikan muzik dunia, bahkan ia juga menawarkan satu strategi kelangsungan bagi sesetengah golongan remaja dalam menjalani kehidupan harian dalam masyarakat. Dalam artikel ini, permasalahan kajian tertumpu kepada minat empat puluh orang remaja lelaki Melayu di sekitar bandar Kuala Lumpur terhadap muzik rock bawah tanah. Metod persampelan bertujuan dan kaedah snowball telah digunakan dalam usaha mengumpul data primer. Tujuan kajian terfokus kepada menilai amalan muzik rock bawah tanah dan hubungannya dengan gaya hidup remaja bandar. Antara beberapa hal yang ditinjau termasuk pola amalan muzik tersebut, impak perkembangan teknologi maklumat dan media, hubungan sosial remaja terutama dengan kelompok sebaya, dan beberapa isu yang sering dikaitkan dengan gaya hidup remaja seperti status, identiti, kebebasan dan kuasa. Semuanya ini cuba dikupas untuk melihat perkaitan antara persoalan amalan muzik rock bawah tanah sebagai satu gaya hidup remaja dan pembangunan manusia. Analisis kajian menggunakan kerangka konseptual yang menekankan kepada unsur-unsur sub-budaya remaja dan sentimen-sentimen kolektif remaja muzik rock bawah tanah. Hasil kajian mendapati bahawa nilai-nilai yang dikongsi remaja mempunyai hubungan yang rapat dengan 'kesedaran' tentang betapa pentingnya ukuran-ukuran lain selain ekonomi atau material bagi pembangunan manusia dalam memastikan wujudnya keadilan serta kesejahteraan bagi remaja sebagai satu kelompok sosial dalam masyarakat. Umumnya, tingkah laku remaja muzik rock bawah tanah mempunyai kesan yang nyata dan tidak nyata terhadap pembangunan remaja dari berbagai-bagai segi termasuk psikologikal, sosial, mental, spiritual dan emosi.*

### ABSTRACT

*The involvement of youths in underground rock music is not an entirely new phenomenon. The music with its attendant subcultural elements has to an extent provided a variety to the existing world music, and it has also somehow assumed a function as a survival strategy for the youths in undergoing their*

*experiences of everyday life in the society at large. In this article, the research focuses on the interest and participation of forty male Malay youths around Kuala Lumpur in underground rock music. The data gathered was based on the purposive sampling method and snowball technique. The research attempts to examine the nature of the youths' involvement in the underground rock music and its relationship to their particular urban lifestyle. Using the conceptual framework of the subcultural elements and collective sentiments of the underground rock group, the research concentrates on the general pattern of the youths' involvement in the underground rock music, the impact of the development of information technology and the media in facilitating their keen interest in the music, the social relationship of the youths with their peer group, and issues frequently associated with their specific lifestyle such as status, identity, freedom and power. Attempts were made to examine the relationship between the youths' participation in the underground rock music as a lifestyle and human development. The findings show that the specific values shared among the youths are very much related to their own 'awareness' of the need and importance for human development to take into serious consideration not only its economic or material criterion, but also its other non-economic indicators of development. This is to ensure that justice and well-being are equally accorded to the youths as a social group in the society. The research shows that generally the behaviour of the youths involved in the underground rock music has its specific direct and indirect impact on their development including its psychological, social, mental, spiritual and emotional aspects.*

## PENGENALAN

Proses modenisasi, antara lain, telah membawa pelbagai perubahan dalam dunia muzik bagi golongan remaja. Proses globalisasi turut memperkukuhkan lagi penawaran dan perluasan pelbagai muzik moden terkini serta idea-idea tertentu yang terkait dengan amalan muzik di kalangan golongan tersebut. Para pengusaha muzik pula bergiat cergas menggali ilham untuk menghasilkan pelbagai rekaan terbaru demi memenuhi selera atau citarasa pengguna dan penggemar muzik, bukan sahaja bagi mereka yang berada di negara Barat bahkan juga di seluruh dunia. Dalam arena muzik popular, mereka kian menampilkan pelbagai jenis muzik, penyanyi dan kumpulan, klip video dan muzik paling terkini.

Di Malaysia, remaja bandar terutamanya lebih mudah mendapat maklumat tentang muzik terkini melalui misalnya media cetak dan elektronik serta komputer. Selain itu, kewujudan banyak pusat membeli belah, gedung muzik, dan tempat hiburan juga menawarkan pelbagai pilihan dan pengalaman kepada remaja untuk ikut serta dalam arena muzik seperti muzik rock. Keadaan ini sekaligus menjadikan muzik sebagai sebahagian daripada gaya hidup yang normal bagi golongan

tersebut. Minat dan amalan muzik rock ini didapati lebih ketara dalam kehidupan remaja terutamanya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Remaja yang terlibat bukan sahaja terdiri daripada remaja lelaki, malah juga remaja perempuan.

## SOROTAN KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa perbincangan awal yang menyentuh tentang beberapa bentuk tingkah laku remaja berhubung dengan muzik, fesyen, penggunaan masa lapang (*use of leisure*) dan delinkuensi yang dikaitkan dengan pembentukan sub-budaya (seperti Miller 1958, 1975; Matza 1969; Westhues 1972; Yinger & Cutler 1979; Milson 1972; dan Hebdige 1979). Umumnya didapati bahawa pembentukan suatu budaya yang bersifat bukan konvensional atau *counterculture* merupakan satu keadaan masyarakat yang di dalamnya wujud unsur pluralisme atau kepelbagaian budaya yang terhasil akibat proses pembangunan dan modenisasi. Pada sebahagiannya juga fenomena tersebut menunjukkan keadaan masyarakat yang sedang mengalami tekanan disebabkan pelbagai proses transformasi sosial yang berlaku. Kewujudan *countercultures* boleh dilihat dari dua segi. Dari satu segi, ia mencabar norma dan nilai-nilai dalam budaya yang sedia ada. Dari segi lain, *countercultures* itu pula mengekspresikan pelbagai jenis tekanan atau stres yang dihadapi oleh individu dan kelompok sosial dalam proses menyesuaikan diri dengan pelbagai tuntutan masyarakat (Yinger & Cutler 1979; Fornas & Bolin 1995; dan Gelder & Thornton 1997).

Beberapa kajian lepas tentang pengaruh muzik terhadap remaja dan pembentukan sub-budaya umumnya didapati berasaskan sesuatu jenis muzik. Misalnya terdapat kajian tentang sub-budaya berasaskan muzik di negara Barat seperti sub-budaya *Glamrock*, *Moderats*, *Teddy Boys*, *Crombies*, dan *Rap*. Di Malaysia kajian seperti tersebut amat terbatas. Yang lebih sering terdapat adalah perbincangan yang merujuk kepada isu budaya dan pengaruh muzik terhadap masyarakat tempatan. Perbincangan terperinci tentang sesuatu sub-budaya, misalnya sub-budaya rock didapati masih kurang.

Hirsch dan rakan-rakan dalam *A Progress Report on an Exploratory Study of Youth Culture and Pop Music Industry* (1971) mendapati bahawa remaja lebih tertarik kepada mesej lagu yang berunsurkan peperangan, sesuatu yang bermanfaat bagi manusia, keamanan dan lagu-lagu yang mempunyai kaitan dengan bahan narkotik. Sementara itu, Bell dan Droke dalam kajian mereka tentang *The Blues, Jazz, Blue Grass, Country and Western, and Soul and Rock Experience* (1981) mendapati bahawa berbanding muzik lain, muzik rock amat popular di kalangan pelajar.

Nick Knight (1981) yang mengkaji tentang kemunculan sub-budaya *skinhead* di England pada lewat tahun 1950-an mengatakan bahawa golongan tersebut dipelopori oleh remaja kelas pekerja. Penampilan mereka melalui cara berpakaian

bersih dan kemas merupakan suatu bentuk protes terhadap golongan *hippies* yang kelihatan selekeh. Gaya rambut *skinhead* yang digunting pendek seakan-akan botak merupakan satu simbol kesedaran mereka terhadap golongan banduan dan juga anggota tentera. Citarasa muzik mereka diadaptasikan dari muzik Jamaica seperti *ska*, *blue beat*, dan *reggae*. Golongan *skinhead* sering dikaitkan dengan pergaduhan terutama ketika perlawanan bola sepak. Mereka dianggap sebagai penentang kepada autoriti pihak polis dan sekolah.

Pada lewat tahun-tahun 1960-an pengaruh *skinhead* mula mengalami kemerosotan akibat munculnya beberapa pengaruh baru yang dikaitkan dengan muzik khususnya *glamrock*. Pertengahan tahun-tahun 1970-an pula menyaksikan kemunculan semula pengaruh *skinhead* dengan identitinya yang lebih ekstrim. Mereka meminati muzik *ooi* dan *punk*. Muzik yang ditampilkan umumnya mempunyai ciri-ciri anti-pemerintah, anarkisme, berbau politik dan sedikit sebanyak memuatkan unsur-unsur lucu. Golongan *skinhead* seperti ini masih kekal hingga sekarang.

Dalam kajian Arnett (1991) tentang sikap dan ciri-ciri remaja yang meminati muzik *heavy metal* beliau mendapati bahawa muzik tersebut memainkan peranan penting dalam kehidupan remaja yang dikaji dan amat mempengaruhi pembentukan pandang dunia, corak perbelanjaan, pemilihan rakan sebaya, sikap terhadap orang, dan harapan masa depan mereka. Peminat muzik *heavy metal* juga membentuk satu sub-budaya yang unik serta tersendiri, tetapi mereka masih berinteraksi dengan kawan-kawan yang berada dalam kumpulan lain. Mereka juga turut melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti sekolah. Pengalaman mendengar lagu *heavy metal* dianggap positif kerana ia mampu mengurangkan perasaan marah terhadap masyarakat.

Epstein, Pratto dan Skipper (1990) yang mengkaji tentang muzik *rap* dan *heavy metal* mendapati wujudnya hubungan antara ras dan jenis muzik yang diminati oleh remaja, tetapi tidak pula wujud kaitan antara muzik dan masalah tingkah laku. Mereka menyimpulkan bahawa muzik mengikuti sentimen sosial remaja dan bukannya muzik itu melahirkannya (sesuatu sentimen tertentu). Epstein, Pratto dan Skipper menjelaskan bahawa muzik rock yang bersifat menentang autoriti (anti-establishment) mempunyai kedudukan yang kukuh dalam budaya remaja. Pilihan sesuatu jenis muzik menyumbang kepada pembentukan identiti sub-budaya. Muzik berfungsi sebagai suatu unsur yang memberi makna kepada pengalaman hidup peminat atau penggiatnya termasuk dari segi sosial, budaya, politik, ekonomi dan seksual. Tahap kepentingan sesuatu muzik dalam memberi erti kepada pengalaman hidup jelas menentukan pembentukan sesuatu sub-budaya. Maka, bukan semua kumpulan *nomination* (penggolongan peminat kepada kumpulan-kumpulan kecil yang terpilih berasaskan muzik yang diminati) akan bertukar menjadi satu sub-budaya.

Kajian Took dan Weiss (1994) tentang remaja yang meminati muzik *heavy metal* dan *rap* mendapati bahawa mereka lebih banyak menghadapi masalah, misalnya dalam bidang akademik, berbanding remaja yang meminati jenis muzik

lain. Hal yang sama juga diperolehi dalam kajian Roe (1987) yang menunjukkan bahawa pencapaian akademik yang rendah telah menarik para remaja kepada muzik *heavy metal* dan *rap*. Fesyen pakaian dan rambut adalah antara unsur-unsur utama yang mampu membekalkan imej dan identiti bagi golongan remaja tersebut. Kelayakan untuk memasuki satu sub-budaya yang berasaskan muzik *heavy metal* dan *rap* pula adalah 'lebih rendah' berbanding kriteria kemasukan dalam aktiviti-aktiviti lain seperti yang terdapat di sekolah. Muzik *heavy metal* dan *rap*, dan imej tertentunya dikatakan memberi perasaan 'berkuasa' dan menawarkan satu status alternatif kepada remaja yang tidak dapat memenuhi status sebagai 'pelajar baik' melalui peranan mereka (sebagai pelajar) di sekolah.

Di Malaysia, kajian Zulkelnain Ngah Hassan (1988) tentang bentuk pengaruh muzik rock terhadap golongan remaja mendapati bahawa ciri khusus muzik rock seperti lirik, rentak, mesej lagu, penyanyi dan kumpulan rock, dan ciri umum berkaitan dengan muzik rock seperti pakaian dan rambut, peranan rakan sebaya dan pandangan dunia para peminat rock mempunyai pengaruh terhadap minat remaja dalam muzik rock. Media massa pula memainkan peranannya yang khusus dalam menyebarkan pengaruh muzik tersebut terutama di kalangan remaja tempatan. Bentuk pengaruh muzik rock dapat dilihat terutamanya melalui gaya pakaian, fesyen rambut, penggunaan wang, penggunaan masa lapang, penciptaan pelbagai istilah rock, pemilihan rakan, pemilihan sumber informasi tentang muzik dan pembentukan nilai-nilai yang bersifat sepunya. Kadar penglibatan dalam muzik rock berfungsi menonjolkan status dan identiti remaja sebagai *rockers* sejati atau diri mereka sebagai ahli dalam satu kumpulan. Seseengah peminat rock mempunyai penilaian mereka yang tersendiri tentang misalnya masalah remaja, peranan golongan dewasa dan 'dasar' pemerintah berhubung dengan muzik rock.

Kajian Goh Chee Wee (1998) tentang beberapa aspek sub-budaya rock di kalangan 53 orang remaja bandar pula mendapati sub-budaya tersebut cenderung diamalkan oleh remaja kelas menengah yang memiliki sikap yang negatif terhadap autoriti. Pola aktiviti remaja menunjukkan bahawa sub-budaya rock merupakan satu sub-budaya masa lapang. Beliau juga menjelaskan bahawa masalah yang dihadapi oleh remaja secara kolektif boleh dikaitkan dengan arus dan kesan pembangunan dan perubahan sosial pesat yang berlaku dalam masyarakat. Secara umum, desakan nilai-nilai kelas menengah, masalah pembentukan identiti serta kegagalan memperoleh status dalam masyarakat, dan peripentingnya perasaan kepunyaan merupakan antara beberapa faktor penyumbang kepada pembentukan sub-budaya di kalangan remaja bandar.

Ahmad Riadz Mohd Radzi (1999) dalam beberapa artikel tentang perkembangan muzik rock bawah tanah di Malaysia mendapati bahawa muzik tersebut mempunyai sub-budayanya yang tersendiri. Kemunculan dunia bawah tanah di Malaysia dianggap sebagai satu bentuk penyelesaian bagi pemuzik yang telah jemu dengan dunia *glamour* muzik rock arus perdana. *Genre* muzik rock yang mula bertapak dalam dunia bawah tanah adalah *punk* dan *metal*.

Kumpulan-kumpulan muzik rock bawah tanah berpegang pada prinsip-prinsip tertentu yang menekankan kebebasan berkarya dan solidariti. Ahmad Riadz juga menjelaskan bahawa pasaran bagi lagu-lagu rock bawah tanah hanya tertumpu kepada para peminatnya sahaja, dan kesepaduan antara ahli-ahli serta semangat berdikari dipupuk melalui kertas edaran (*flyers*), majalah dan *demotape* yang dijual pada kadar harga yang rendah.

Secara umum kajian tentang sesuatu jenis muzik dan penglibatan remaja di dalamnya memaparkan beberapa isu berhubung dengan muzik rock tertentu dan budaya yang terhasil darinya. Antara yang dibahas adalah jenis muzik yang diminati sesuatu golongan remaja, hubungan muzik dengan pembentukan identiti dan isu-isu yang dihadapi remaja, peranan muzik rock sebagai pembentuk makna bagi pengalaman hidup remaja, dan perluahan erti tertentu berhubung dengan pelbagai cabaran harian remaja sebagai satu kelompok sosial dalam masyarakat. Sehubungan itu, maka kajian ini cuba memperihailah dan menghuraikan unsur-unsur utama dan kedinamikan satu sub-budaya muzik rock bawah tanah di kalangan remaja Melayu bandar dalam konteks transformasi sosial yang dialami masyarakat bersama anggotanya. Pengalaman tersebut juga cuba dikaitkan dengan aspek pembangunan manusia secara umum.

#### PERMASALAHAN KAJIAN

Perbincangan dalam artikel ini berasaskan satu kajian yang cuba meninjau minat remaja Melayu bandar terhadap muzik rock bawah tanah di beberapa buah kawasan bandar Kuala Lumpur dan daerah-daerah di sekitarnya. Golongan remaja tersebut berumur antara 15 hingga 25 tahun. Metod pesampelan bertujuan telah digunakan dalam usaha mengumpul data primer. Responden dipilih daripada kalangan yang dikenal pasti sebagai mempunyai minat yang mendalam terhadap muzik kontemporari (pop), khususnya muzik rock termasuklah muzik rock bawah tanah. Beberapa ciri khusus responden yang bersifat luaran juga diteliti untuk memastikan kesesuaian diri mereka sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel juga dilakukan secara *snowball*. Sebanyak 40 orang responden telah ditemui bual secara mendalam.

Tumpuan utama kajian ini adalah melihat pola amalan muzik rock bawah tanah dan hubungannya dengan gaya hidup remaja bandar. Untuk menilai kesignifikanan amalan tersebut dalam konteks yang lebih luas, maka antara beberapa hal yang ditinjau termasuk pola amalan muzik rock bawah tanah, impak perkembangan teknologi maklumat dan media, hubungan sosial remaja terutama dengan kelompok sebaya, dan isu-isu yang sering dikaitkan dengan pengalaman atau gaya hidup remaja seperti status dan identiti, dan reaksi mereka terhadap isu-isu tersebut. Sehubungan dengan peripentingnya muzik sebagai satu komponen dalam gaya hidup remaja, maka kajian ini cuba meninjau beberapa

pandang dunia remaja yang sering dikaitkan dengan fenomena amalan muzik rock bawah tanah.

Apakah implikasi khusus amalan remaja dalam muzik rock bawah tanah terhadap pembangunan manusia? Sebagai sebahagian daripada gaya hidup generasi muda, muzik rock bawah tanah dan beberapa amalan yang terkait dengannya turut memanasifestasikan beberapa nilai dan pengalaman khusus remaja dalam menghadapi pelbagai cabaran dunia moden. Hal ini dianggap penting untuk difahami secara baik kerana remaja merupakan golongan yang tidak kurang pentingnya dalam masyarakat, bukan sahaja dari segi jumlah populasinya yang relatif besar di Malaysia, tetapi juga dari segi sumbangannya kepada pembangunan negara. Justeru, dalam perbincangan tentang pembangunan manusia, sebaiknya direnung juga beberapa ciri khusus dan pengalaman sesetengah golongan remaja agar mereka terakomodasi secara saksama dalam pelbagai perancangan berkaitan dengan pembangunan manusia dan pembangunan masyarakat umumnya.

'Laungan' generasi muda melalui muzik rock bawah tanah, antara lain, menekankan misalnya unsur-unsur kebebasan, keadilan, semangat untuk berdikari, kreativiti, pemeraksanaan, dan pluralisme budaya yang wujud dalam masyarakat moden. Unsur-unsur tersebut dianggap mempunyai erti dan kesan tertentu terhadap seseorang remaja, baik secara peribadi mahupun sosial. Pada masa yang sama, 'laungan' muzik rock bawah tanah turut mempunyai implikasi tertentu misalnya dari segi kesejahteraan sosial dan posisi suara remaja dalam pencorakan hidup serta status mereka dalam masyarakat. Hal ini secara langsung dan tidak langsung mempunyai kaitan dengan pembangunan manusia kerana yang ditekankan kini dalam pembangunan manusia adalah komponen atau unsur 'manusianya' (Mahbub ul Haq 1995), di samping unsur-unsur lain yang lebih bersifat 'teknikal'. Dengan itu, sekiranya pembangunan manusia itu dianggap perlu menekankan komponen 'manusianya', maka jelas bahawa beberapa manifestasi nilai dan pandang dunia golongan remaja melalui minat dan penglibatan mereka dalam muzik rock umumnya dan muzik rock bawah tanah khususnya, mempunyai kerelevanannya yang tertentu dalam usaha membina dan selanjutnya memupuk kesejahteraan di kalangan golongan remaja.

#### KERANGKA KONSEPTUAL

Kajian yang membahas tentang penglibatan remaja Melayu bandar dalam muzik rock bawah tanah merupakan satu kajian budaya yang cuba menyelami dinamika dan erti pengalaman remaja yang berada dalam satu sub-budaya yang khusus. Muzik yang diminati dan tingkah laku yang terkait dengannya cuba dikupas sebagai sebahagian daripada *folk culture* (budaya rakyat), terutama di kalangan remaja bandar. Pelbagai tafsiran yang diberikan oleh remaja muzik rock bawah tanah menyentuh beberapa jenis pengalaman khusus mereka. Pada asasnya,

kehidupan sosial mereka terarah kepada memenuhi pelbagai tuntutan sosial sebagai remaja masa kini dengan ciri-ciri tipikalnya yang tersendiri, dan juga (serentak) sebagai suatu kelompok sosial yang perlu berhadapan dengan pelbagai jangkaan dan kekangan daripada golongan dewasa dan golongan-golongan lain yang dianggap 'berpengaruh' dalam masyarakat. Kedua-dua jenis cabaran ini sering dipersepsikan sebagai mempengaruhi tindak-tanduk mereka. Remaja rock bawah tanah umumnya terlibat dalam memberi pengertian atau tafsiran, dan selanjutnya bertindak balas terhadap pelbagai 'sumber pengaruh'. Pengalaman yang dilalui bukan sahaja bersifat psikologikal, malah sosial. Cabaran-cabaran tersebut mempunyai kesan tertentu terhadap remaja. Secara langsung dan tidak langsung ia memainkan peranan mempola sikap dan tingkah laku remaja seperti yang terdapat dalam budaya muzik rock bawah tanah. Yang diekspresikan melalui satu budaya khusus itu sama sekali tidak terpisah daripada pelbagai faktor sosioekonomi dan politik yang dari pelbagai segi turut mencorakkan tingkah laku dan gaya hidup remaja.

Kajian ini umumnya membicarakan ciri-ciri khusus amalan remaja dalam muzik rock bawah tanah dan kaitannya dengan sub-budaya remaja dan gaya hidup remaja Melayu bandar. Dalam konteks suatu ruang sosiopsikologikal bagi remaja bandar yang dipengaruhi oleh pelbagai tuntutan ekonomi dan sosiobudaya yang sangat dinamik dan mencabar, pengalaman remaja rock bawah tanah dianggap mempunyai kesignifikannya yang tertentu. Minat terhadap muzik rock bawah tanah, amalan sub-budayanya yang unik dan gaya hidup yang diekspresikan oleh remaja diandaikan mempunyai hubungan langsung dan tidak langsung dengan jenis pengalaman yang dilalui dalam kehidupan seharian mereka sebagai satu kelompok sosial dalam masyarakat.

Dalam usaha untuk melihat kaitan antara fenomena muzik rock bawah tanah dengan pembangunan manusia, kajian ini selanjutnya cuba meninjau pembangunan remaja sebagai insan dalam masyarakat dari sudut erti 'laungan' muzik rock bawah tanah itu sendiri dan kaitannya dengan beberapa persoalan asas yang terangkum dalam perbincangan tentang pembangunan manusia. Antara beberapa isu yang dibahas dalam menilai budaya muzik rock bawah tanah termasuk ekspresi unsur-unsur kebebasan, pilihan, hak, autonomi, pemerkasaan dan kreativiti.

Ekspresi nilai-nilai tersebut dalam sub-budaya muzik rock bawah tanah mempunyai implikasi yang luas terhadap persepsi remaja tentang kewujudan mereka dalam masyarakat, dan selanjutnya kesejahteraan diri mereka sebagai satu kelompok sosial. Ekspresi nilai-nilai tersebut menandakan betapa pentingnya asas-asas manusiawi itu ditekankan dalam pembangunan manusia umumnya dan dalam menilai kesejahteraan golongan remaja khususnya. Penglibatan remaja dalam muzik rock bawah tanah dianggap satu fenomena yang membolehkan kita menilai bukan sahaja budaya dan pandang dunia remaja yang terlibat dalam satu sub-budaya, tetapi juga mengapresiasi pembangunan sosial bagi remaja dan melihat sejauhmana remaja rock bawah tanah merasa atau menganggap diri mereka



terakomodasi dalam pelbagai proses pembangunan yang berlaku dalam masyarakat.

Pelbagai perubahan sosial yang berlaku terutamanya melalui proses industrialisasi, urbanisasi, modenisasi dan globalisasi telah menawarkan kepada golongan remaja pelbagai pilihan, tuntutan dan cabaran. Corak hidup masyarakat yang berorientasikan prestasi, kemajuan, persaingan dan pencapaian umumnya telah mendedahkan remaja kepada pelbagai keinginan dan tuntutan, baik dari segi material mahupun bukan material. Sebagai sebuah negara yang menganggap remaja sebagai salah satu aset terpenting, pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti hidup remaja, misalnya dari segi pendidikan, pekerjaan, kesihatan dan penggunaan masa lapang. Namun, pada tahap mikro dan dalam konteks menjadikan remaja satu golongan penerima faedah pembangunan (*a beneficiary of development*), terdapat juga persoalan sejauhmana keinginan golongan remaja untuk memilih dan berpartisipasi dalam masyarakat sebagai suatu ejen sosial benar-benar dapat direalisasikan secara berkesan.

Remaja yang terlibat dalam budaya muzik rock bawah tanah umumnya peka terhadap amalan dan proses pembangunan yang berlaku di peringkat makro yang bertujuan meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan remaja. Mereka juga sering kali diperingatkan tentang keistimewaan dan peluang-peluang tersebut demi membolehkan mereka membentuk masa depan yang memberangsangkan dan lebih kukuh. Bagi remaja muzik rock bawah tanah, salah satu persoalan yang timbul dalam kerangka persekitaran yang membolehkan remaja mencorak masa depan mereka ialah pemeraksaan diri remaja itu sendiri sebagai suatu ejen sosial dalam masyarakat. Memang benar pembangunan itu sesuatu yang tidak terelakkan dan terdapat manfaat tertentu darinya. Namun, dalam konteks menilai sejauhmana remaja benar-benar merupakan satu golongan penerima faedah pembangunan, sesetengah remaja dalam kajian ini sering mengalami satu kontradiksi.

Kontradiksi tersebut menjurus kepada pengalaman mereka kini yang dianggap telah diperkasakan dengan pengetahuan yang lebih baik, pilihan yang lebih luas, dan daya konsumsi yang lebih tinggi. Namun, pada masa yang sama mereka merasakan bahawa kesejahteraan diri mereka ada kalanya 'terancam' pada sebahagiannya oleh kuasa-kuasa pasaran dan peranan yang dimainkan oleh sesetengah ejen sosialisasi atau kawalan sosial dalam masyarakat. Justeru yang dipermasalahkan adalah suatu pengalaman hidup mereka yang dicirikan oleh beberapa konflik.

Ejen kapitalisme dalam arena muzik global turut memainkan peranannya yang tertentu dalam mencorak, memanipulasi dan menjana citarasa remaja umumnya terhadap jenis muzik dan gaya hidup. Perluahan muzik rock bawah tanah mencerminkan reaksi remaja yang terlibat dalam keadaan sedia ada muzik rock aliran perdana yang dianggap 'diperalatkan' oleh pihak-pihak tertentu untuk mengaut keuntungan bagi diri mereka sendiri. Muzik rock bawah tanah dan budaya yang terkait dengannya melambangkan keterbatasan remaja untuk

menyertai secara fleksibel dan bermakna muzik rock aliran perdana sebagai salah satu wadah penggunaan masa lapang dan dalam menjalani kehidupan harian mereka. Selain itu apabila muzik rock bawah tanah itu dikaitkan dengan budaya remaja atau gaya hidup segolongan remaja tertentu, yang sering dipermasalahkan adalah tingkah laku mereka yang dianggap kurang positif. Ekoran itu, tampil sesetengah ejen kawalan sosial dengan ‘senjatanya’ yang tertentu memainkan peranan untuk mencorak atau menormalisasikan kehidupan remaja rock bawah tanah, khususnya dari segi penggunaan masa lapang.

Dalam kajian ini remaja yang terlibat dalam muzik rock bawah tanah dan ‘laungan’ muziknya diandai ‘mendengarkan’ sentimen kolektif berhubung dengan pengalaman mereka dalam masyarakat. Nilai yang dikongsi dan budaya yang diamalkan mempunyai hubungan yang rapat dengan kesedaran mereka tentang betapa pentingnya ukuran-ukuran lain selain ekonomi atau material dititikberatkan dalam memastikan wujudnya keadilan dan kesejahteraan golongan remaja.

Ideologi dan tindak laku remaja rock bawah tanah mengekspresikan terutamanya sifat-sifat bersatu, berdikari dan berada ‘di bawah satu bendera’. Nilai-nilai tersebut dihayati dan dimobilisasikan dalam usaha mengekalkan diri mereka sebagai ejen sosial dan menjadikan golongan muzik rock bawah tanah sebagai satu unit sosial yang terpadu. Tingkah laku remaja muzik rock bawah tanah mempunyai kesan yang nyata dan tidak nyata terhadap pembangunan remaja dari pelbagai segi termasuk psikologikal, sosial, mental, spiritual dan emosi.

## PERKEMBANGAN MUZIK ROCK BAWAH TANAH

Muzik rock merupakan sejenis muzik yang muncul pada pertengahan tahun-tahun 1950-an dan ia menjadi salah satu bentuk muzik paling popular di kalangan remaja dan belia di Amerika Syarikat dan Eropah Barat. Sejak tahun-tahun 1960-an terdapat pelbagai versi muzik rock, misalnya *classical rock*, *folk rock*, *country rock*, *jazz rock*, *pop rock*, *hard rock*, *acid rock*, *punk rock*, dan *alternative rock*. Definisi rock yang tepat sukar diberi, namun yang jelas dalam muzik tersebut terdapat penekanan pada tempo yang rancak dan penggunaan gitar elektrik dalam semua jenis muziknya.

Muzik bawah tanah merangkumi setiap genre muzik yang umumnya tidak diterima masyarakat pada awalnya. Muzik seperti *jazz*, *rhythm & blues* (R&B), *country & gospel* yang mewarnai persada muzik Amerika pada pertengahan tahun-tahun 1950-an merupakan beberapa genre muzik yang diklasifikasikan sebagai muzik bawah tanah. Hal ini kerana penerimaan terhadap muzik sedemikian agak terbatas memandangkan peminat muzik ketika itu bersifat agak prejudis dan rasis terhadap para pemuzik tertentu. Contohnya pemuzik berkulit putih kurang menyenangi muzik masyarakat kulit hitam (*black music*). Walau bagaimanapun,

segalanya berubah apabila terdapat segolongan pemuzik yang mula menggabungkan stail muzik tanpa mengira warna kulit. Pada masa yang sama sesetengah *disc jockey* (DJ) berkulit putih mula memutar lagu masyarakat berkulit hitam di radio. Pemilik studio rakaman berkulit putih mula merakamkan lagu-lagu artis berkulit hitam seperti Little Richard dan B.B. King. Pada masa itu jugalah munculnya Elvis Presley dan Chuck Berry yang telah menggabungkan muzik *country* dan *blues* menjadikannya sebagai muzik *rock n' roll*.

Tahun-tahun 1960-an merupakan tahun perintis bagi variasi muzik yang kini dilabel sebagai muzik bawah tanah. Kemunculan kumpulan *The Beatles* dan penyanyi Bob Dylan telah mengubah senario muzik *rock n' roll*. Mereka telah memperkenalkan idea dan bunyi (*sound*) baru *rock n' roll* dan lirik yang lebih ekspresif. Keadaan ini berterusan terutamanya di Britain dan Amerika Syarikat sehingga pada akhir tahun-tahun 1960-an apabila muncul pula muzik rock yang dikenali sebagai *punk scene* dan *metal scene* yang menghasilkan lagu-lagu tentang realiti kehidupan dan perluahan perasaan yang bersifat tidak hipokrit. *Heavy metal scene* pula turut menampilkan lirik yang berbau mistik, kehidupan selepas mati, dan penyakit mental. Antara *genre* muzik yang menerima pengaruh *metal scene* ialah *thrash metal*, *hardcore*, *heavy metal*, *rap* dan *grunge*.

Di Malaysia, terdapat segelintir pemuzik yang menginginkan kebebasan berkarya dan mereka cuba 'lari' daripada kehendak pasaran dan tampil dengan idea tersendiri. Muzik rock yang dihasilkan umumnya bersifat berat (*heavy*), dan liriknya pula tidak lagi menyentuh soal cinta, tetapi lebih bersifat terbuka dan sebahagian besar muzik tersebut menggunakan bahasa Inggeris. Kelahiran muzik rock berbentuk baru ini pada sekitar tahun-tahun 1970-an dan 1980-an dikenali sebagai dunia muzik bawah tanah. Bermula pada tahun 1988, keadaan menjadi hangat apabila semakin ramai remaja meminati muzik seperti *punk* dan *thrash metal*. Muzik tersebut mula dikategorikan secara lebih spesifik seperti *death metal*, *industrial*, *grindcore* dan sebagainya. Suasana dunia muzik bawah tanah mula wujud apabila banyak band merakamkan *demo-tape*, membuat majalah (*fanzine*) dan mengadakan *gig* (konsert kecil-kecilan). Mulai akhir tahun-tahun 1980-an muzik *thrash*, *death* dan *black metal* dilabelkan sebagai muzik bawah tanah.

Pada tahun 1992, trend baru dalam muzik bawah tanah di Malaysia menyaksikan kemunculan muzik *punk*, *alternative* dan *hardcore*. Sebuah band *punk rock* dari Kuantan, iaitu *The Pilgrims* telah tampil dengan album *Perfume Garden* di bawah label *Sonic Asylum Records*. Setelah album *Perfume Garden* diterima oleh masyarakat bawah tanah atau *underground*, *Sonic Asylum Records* kemudiannya telah mengeluarkan sebuah album kompilasi *alternative*, iaitu *Circle of Friends* yang menggabungkan beberapa band *alternative* dan *punk* seperti *Sub-Culture*, *Flop Poppy*, *Bone*, dan *Spiral Kinetic Circus*. Kemunculan muzik *punk*, *alternative* dan *hardcore* seolah-olah menjadi trend baru dalam *UG Scene* (*Underground Scene*). Ia seperti menempuh era baru selepas muzik *metal*. Antara

band *alternative*, *punk*, dan *hardcore* adalah seperti *Karatz*, *The Bullock*, *Acid Rain*, *Old Automatic Garbage (O.A.G.)* dan *Another Side*.

Kemeriahan dunia muzik bawah tanah di Malaysia jelas dapat dilihat apabila *gig* mula giat diadakan. Selalunya *gig* dianjurkan sendiri oleh penggiat muzik, band, editor majalah atau pemilik label muzik. *Gig* sering bertempat di pub atau disko. Apabila sesuatu *gig* atau konsert hendak diadakan, maka berita itu akan disebarkan melalui *flyers* yang dihantar melalui surat kepada para editor *fanzine* atau rakan-rakan mereka dalam dan luar negara. Mereka dikatakan tidak mementingkan keuntungan, tetapi yang paling utama adalah semangat dan suasana *happening* (seronok) dan bersatu. Itulah prinsip dalam dunia muzik bawah tanah. Yang penting adalah amalan *DIY (Do It Yourself)*, tanpa bergantung kepada sesiapa untuk mendapatkan bantuan kewangan dan sebagainya.

#### AMALAN MUZIK ROCK SEBAGAI SUATU GAYA HIDUP GOLONGAN REMAJA

Artikel ini membincang tentang tingkah laku berhubung dengan muzik rock bawah tanah di kalangan 40 orang remaja Melayu bandar. Minat terhadap muzik rock memainkan peranan yang signifikan dalam kehidupan sesetengah golongan remaja di Malaysia. Penampilan gaya hidup berhubung dengan muzik tersebut pula didapati lebih ketara di kawasan bandar berbanding kawasan desa. Tingkah laku remaja yang terlibat dengan muzik rock bawah tanah diandaikan mempunyai hubungan secara langsung dan tidak langsung dengan suatu budaya khusus yang dianutinya bersama rakan-rakan. Budaya remaja itu pula mempunyai kaitan yang rapat dengan gaya hidup mereka.

Gaya hidup merujuk kepada pola khusus aktiviti-aktiviti harian yang mencirikan seseorang individu. Gaya hidup seseorang remaja dianggap unik, iaitu ia boleh diertikan sebagai tidak sama dengan orang lain; tetapi, pada masa yang sama, gaya hidup itu diorientasikan kepada yang bersifat sepunya dan yang sosial. Dengan kata lain, seseorang itu memilih gaya hidup dalam hubungannya dengan orang lain yang signifikan (Fornas & Bolin 1995). Melalui cara tersebut, beberapa orang individu dalam mana-mana masyarakat akan memilih gaya hidup yang memperlihatkan beberapa persamaan sepunya dan juga yang membezakan diri mereka daripada individu lain. Penentu kepada pemilihan gaya hidup itu pula boleh dikaitkan dengan berbagai-bagai faktor yang boleh dikategorikan secara kasar kepada faktor struktural seperti status dan kelas sosial dan faktor bukan-struktural seperti citarasa dan minat (Weber 1966; Veblen 1966; Simmel & Tarde 1950; Bourdieu 1984; Reimer 1989).

Konsep sub-budaya dapat dibezakan daripada konsep gaya hidup terutama dari segi darjah kehebatan tindakan mengamalkan sesuatu aktiviti, kesan dan persepsi masyarakat terhadapnya. Sub-budaya remaja mengandungi satu set nilai dan emosi, kepercayaan, simbol, perlakuan, dan aktiviti yang dikongsi oleh

sekumpulan remaja tertentu. Namun begitu, dalam perbincangan tentang sub-budaya muzik rock bawah tanah, hubungan antara gaya hidup dan sub-budaya remaja atau budaya remaja itu didapati sangat rapat. Ternyata analisis tentang sub-budaya atau gaya hidup remaja itu pada sebahagian besarnya bertindan lapis dan ia didapati sangat kompleks.

Yang ingin dikupas dalam kajian ini adalah pelbagai faktor struktural dan faktor yang berkaitan dengan proses (*processual*) yang mempengaruhi segolongan remaja untuk meminati corak hidup yang khusus melalui pengalaman mereka dalam muzik rock bawah tanah. Faktor yang berkaitan dengan proses itu mengambilkira pelbagai tafsiran peribadi remaja yang bersifat khusus tentang tingkah laku mereka serta nilai-nilai di bawah permukaan (*subteranean values*), yang lazimnya menunjang pelbagai kecenderungan mereka untuk bergiat dalam aktiviti muzik rock bawah tanah.

Perbincangan tentang gaya hidup dan sub-budaya remaja Melayu bandar ini bertujuan menilai sejauhmana amalan muzik rock itu pada sebahagiannya melambangkan nilai-nilai yang khusus seperti yang berkaitan dengan identiti, status, keseronokan dan kebebasan. Apabila kedua-dua dimensi ideologikal dan yang bersangkutan dengan tingkah laku (*behavioural*) berhubung dengan minat dan amalan muzik rock bawah tanah itu diteliti, maka soalan selanjutnya ialah sejauhmana pandangan dunia segolongan remaja berkenaan mempunyai kaitan dengan nilai-nilai yang khusus itu. Tidak dinafikan bahawa umumnya nilai-nilai dan pandangan dunia penggemar muzik rock mempunyai hubungan yang khusus dengan proses modenisasi dan globalisasi. Sebagai contoh media serta teknologi maklumat dan kewujudan masyarakat konsumer turut berperanan mempergiatkan lagi pemasaran barangan, idea dan perkhidmatan muzik. Terdapat pelbagai reaksi atau adaptasi golongan remaja yang terlibat dalam amalan muzik rock, justeru melambangkan pelbagai pencorakan pengalaman dan dunia mereka apabila berdepan dengan kuasa-kuasa global yang sifatnya sangat dinamik.

## REMAJA DAN MUZIK KEGEMARAN MEREKA

Sebanyak 40 orang remaja telah tampil menyuarakan pendapat atau pandangan mereka tentang jenis muzik rock bawah tanah. Beberapa tempat di sekitar Kuala Lumpur dan kawasan Lembah Kelang telah dikunjungi seperti Warp Disco, Lost City, Sydney 2000 (Bukit Bintang, Kuala Lumpur), Amphitheatre (Bandar Sunway) dan Colors (Up town, Damansara). Kebanyakan responden ditemui dan selanjutnya ditemu bual semasa *gig* atau konsert diadakan. Temu bual lanjut diadakan di tempat-tempat tertentu seperti di kedai muzik, rumah kediaman responden dan di studio *jamming*.

Responden terdiri daripada remaja yang terlibat dalam dunia muzik bawah tanah khususnya muzik rock. Daripada 40 orang responden, sebanyak 27 orang (67.5 peratus) adalah remaja lelaki dan selebihnya, iaitu sebanyak 13 orang (32.5 peratus) remaja perempuan.

JADUAL 1. Bilangan responden mengikut umur

Umur (Tahun)	Bilangan	Peratus (%)
15	1	2.5
16	5	12.5
17	2	5.0
18	6	15.0
19	2	5.0
20	4	10.0
21	3	7.5
22	8	20.0
23	6	15.0
24	2	2.5
25	1	2.5
Jumlah	40	100.0

Jumlah responden yang bekerja dan masih belajar adalah hampir sama, iaitu masing-masing sebanyak 50.0 peratus dan 45.5 peratus. Terdapat 4.5 peratus

JADUAL 2. Tahap pendidikan ibu bapa responden

Tahap pendidikan	Bapa		Ibu	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Tidak bersekolah	2	5.0	3	7.5
Sekolah Rendah	7	17.5	9	22.5
Tamat SRP	8	20.0	10	25.0
Tamat SPM	8	20.0	11	27.5
Tamat STPM	1	2.5	0	0.0
Diploma	4	10.0	3	7.5
Ijazah	10	25.0	4	10.0
Jumlah	40	100	40	100.0

JADUAL 3. Jenis pekerjaan bapa

Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Profesional	9	22.5
Perkhidmatan	4	10.0
Buruh	8	20.0
Peniaga	11	27.5
Pengurusan	3	7.5
Pesara	5	12.5
Jumlah	40	100.0

JADUAL 4. Jenis pekerjaan ibu

Jenis pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Profesional	2	5.0
Perkhidmatan	3	7.5
Buruh	4	10.0
Peniaga	5	12.5
Pengurusan	2	5.0
Surirumah	24	60.0
Pesara	0	0.0
Jumlah	40	100.0

JADUAL 5. Tingkat pendapatan ibu bapa responden

Kategori pendapatan	Bilangan	Peratus (%)
500-Ke bawah	3	7.5
500-1000	11	27.5
1001-1500	7	17.5
1501-2000	7	17.5
2001-2500	3	7.5
2501-3000	4	10.0
3001-3500	0	0.0
3501-4000	0	0.0
4001-4500	0	0.0
4501-4500	2	5.0
5001 Ke atas	3	7.5
Jumlah	40	100.0

remaja yang menganggur. Bagi mereka yang bekerja, sebanyak 41.2 peratus telah tamat Sijil Pendidikan Malaysia (SPM), 5.9 peratus tamat Sijil Tinggi Pendidikan Malaysia (STPM), 17.6 peratus mempunyai kelulusan Diploma, sementara yang memiliki Ijazah adalah sebanyak 35.3 peratus.

Hasil kajian mendapati majoriti ibu bapa responden bukan berasal dari bandar-bandar utama di Lembah Kelang seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Serdang dan Kajang. Sebaliknya, mereka berasal dari kawasan luar bandar di beberapa buah negeri dalam Malaysia. Sebanyak 21 orang bapa responden (52.5 peratus) berasal dari kawasan luar bandar dan 28 orang ibu responden (70.0 peratus) juga berasal dari jenis kawasan yang sama.

Terdapat banyak responden yang berasal daripada keluarga yang berada dalam kategori kelas menengah bawah. Remaja pula terdiri daripada berbagai-bagai kelas. Walau bagaimanapun, kebanyakan responden yang ditemubual cenderung untuk tidak menyatakan kelas sosial mereka. Hal ini kerana mereka menganggap tidak terdapat 'perbezaan' kelas sosial dalam kelompok mereka (remaja yang meminati muzik rock bawah tanah). Bagi mereka, diri mereka dan rakan-rakan adalah 'sama sahaja' ('*We are one and the same*').

Golongan remaja yang terlibat dengan muzik rock bawah tanah atau *UG Scene* di Lembah Kelang sering bertemu di tempat-tempat tertentu. Pada kebiasaannya mereka boleh ditemui di tempat-tempat yang sering menjadi kunjungan umum para remaja. Tempat-tempat tersebut adalah di sekitar kawasan Segitiga Emas Bandaraya Kuala Lumpur yang mempunyai beberapa kompleks membeli-belah seperti KL Plaza, Sogo, Campbell Complex, Pertama Complex, Lot 10 dan Kotaraya. Secara khusus, para remaja muzik rock bawah tanah tertarik kepada tempat-tempat di mana kaset, *demo-tape*, majalah dan segala bentuk informasi tentang dunia muzik bawah tanah itu boleh didapati.

Sebagai contoh, tumpuan remaja muzik rock bawah tanah seperti *punkster*, dan *metalhead* adalah di sekitar aras dua Campbell Complex dan aras dua Pertama Complex. Di tempat tersebut terdapat banyak kaset muzik rock bawah tanah dijual dan juga segala maklumat seperti *flyers* tentang *gig* atau konsert muzik rock bawah tanah dapat diperolehi. Di kawasan Pasar Seni atau lebih popular dengan nama *C.M. (Central Market)*, para remaja *underground* kerap bertumpu di luar *McDonald's* dan di dalam Restoran Hameed. Beberapa pub, disko dan tempat tertentu di sekitar Lembah Klang juga sering menjadi tumpuan remaja *underground* terutamanya apabila *gig* diadakan, iaitu seperti di Warp, Sydney 2000, Colors (Up town, Damansara), Lost City dan Amphitheatre (Sunway Lagoon). Jelas bahawa para remaja muzik rock bawah tanah sering tertumpu di tempat-tempat di mana terdapat hiburan dan muzik rock bawah tanah. Keadaan wujudnya struktur fizikal urban di kawasan-kawasan bandar yang 'memudahkan' perkembangan suatu setting yang sesuai bagi muzik rock jelas mempengaruhi minat remaja terhadap muzik tersebut. Selanjutnya ia memungkinkan wujudnya suatu ruang sosial (*public space*) bagi para remaja yang terlibat untuk memperluaskan budaya muzik rock bawah tanah itu.

Peripentingnya budaya popular seperti muzik di kalangan remaja, keadaan persekitaran sosial bandar yang secara relatif lebih 'bebas' dan bersifat *impersonal*, dan munculnya elemen-elemen *individuation* (pembedaan) dan diferensiasi gaya hidup di kota secara langsung dan tidak langsung turut menyumbang ke arah perkembangan budaya muzik rock bawah tanah. Dalam hal ini juga pendedahan kepada pelbagai barangan dan idea berhubung dengan budaya remaja dan gaya hidup remaja turut dipengaruhi oleh ciri-ciri khusus dan pelbagai pengalaman seseorang pada fasa remaja.



## KEISTIMEWAAN MUZIK ROCK BAWAH TANAH

Banyak responden berpendapat bahawa meskipun secara kasar amalan meminati muzik rock cenderung menunjukkan bahawa mereka ‘terjurus’ ke dalam satu budaya muzik yang dianggap global atau sejagat, namun muzik rock yang berkembang di kalangan mereka tidaklah sama secara total dengan yang terdapat di negara Barat. Secara luaran mungkin muzik rock bawah tanah di Malaysia memperlihatkan sifat muzik rock yang pada sebahagian besarnya lebih kurang sama seperti muzik tersebut di Barat. Namun begitu, pada masa yang sama sesetengah penggiat atau peminat muzik rock peka terhadap nilai-nilai tempatan. Mereka cenderung mempercayai bahawa tidak semua nilai dalam budaya rock Barat perlu diserapkan ke dalam amalan muzik rock tanah air kerana ‘kita masih memerlukan penyesuaian kepada budaya tempatan’.

Para responden menjelaskan bahawa mereka lebih berminat kepada muzik rock bawah tanah kerana kebanyakan penggiat atau peminat dalam dunia muzik bawah tanah seperti pemuzik dan pemilik label syarikat rakaman bergerak secara bebas. Mereka juga mempunyai sikap dan ideologi tertentu dalam membentuk atau menghasilkan sesebuah muzik. Pemuzik dan pemilik label syarikat rakaman bukan sahaja menjadikan muzik rock bawah tanah sebagai medium untuk meluahkan perasaan tertentu, tetapi mereka juga berusaha melahirkan satu sifat muzik yang boleh membawa peminatnya kepada beberapa pegangan tertentu seperti bersikap anti-kapitalis, anti-perang, anti-ras dan anti-otoriti. Lagu dan muzik yang dihasilkan mempunyai kaitan rapat dengan sesuatu yang dilihat, dialami atau ditentang oleh golongan remaja itu sendiri.

Ciri-ciri muzik rock yang masih kekal dalam dunia muzik bawah tanah menyebabkan remaja lebih meminati jenis muzik rock tersebut. Hal ini kerana sememangnya dunia muzik bawah tanah merupakan suatu muzik yang dihasilkan dengan cara yang lebih bebas berbanding muzik di aliran perdana. Tambahan pula muzik rock bawah tanah berjaya menyelitkan banyak sifat asas muzik rock. Di samping itu, keadaan industri muzik tempatan yang dikuasai oleh nilai-nilai komersilisme memperlihatkan bahawa muzik rock yang dihasilkan lebih bermotifkan keuntungan tanpa menekankan kepada sifat-sifat asas muzik rock itu sendiri.

Rentak, lirik, tema dan lagu merupakan ciri-ciri khusus dalam sesuatu jenis muzik. Muzik rock bawah tanah juga tidak terkecuali daripada mengandungi ciri-ciri tersebut. Umumnya muzik rock bawah tanah memberi penekanan kepada beberapa ciri utama seperti irama atau melodi, jenis muzik, lirik, tema, bahasa dan ‘sikap’ seseorang penggiat itu sendiri.

Dari segi jenis muzik pula, selalunya penggiat dan peminat muzik rock bawah tanah menerima apa bentuk muzik sekalipun asalkan ia tidak bertentangan dengan prinsip dunia muzik bawah tanah itu sendiri, meskipun muzik tersebut tidak dapat diterima sepenuhnya oleh masyarakat. Ini tidaklah bermakna muzik itu

semestinya berat dan bingit, malah terdapat muzik yang bersifat agak ringkas seperti muzik *alternative* dan *ska* dalam muzik rock bawah tanah.

Dari segi lirik pula para responden mengakui bahawa lirik yang dihasilkan dalam muzik rock bawah tanah bersifat terbuka. Lirik tersebut menyentuh banyak aspek kehidupan. Terdapat muzik yang bercirikan kritikan sosial, kemanusiaan, ketuhanan, kesengsaraan, politik, unsur mistik, alam sekitar dan sebagainya. Misalnya lirik sebuah kumpulan *punk*, iaitu *Caburator Dung* memperlihatkan penentangan terhadap autoriti dan sistem politik dalam masyarakat. Di antara liriknya ialah:

*We'll raise our voice no way  
 We'll raise our fist no way  
 This is your face... democracy? conformity?  
 We'll criticize no way  
 We'll organize... no way  
 What's in your gloves  
 Democracy? Black iron fist?  
 Where's our right? no where  
 Where's our tongues? no where  
 Where's our voice... democracy? stability?  
 What should we see? nothing  
 What should we think? nothing  
 Where's our sight, democracy?  
 You hide the key  
 You're blinding me...*

Tajuk: *Oppression*

Kumpulan: *Carburator Dung*

Album: Dari Jemapoh ke Manchestee

Terdapat juga lirik tentang penentangan terhadap golongan kapitalis. Lirik seperti tersebut dihasilkan sebagai manifestasi ketidakpuasan para pemuzik rock bawah tanah terhadap sistem-sistem yang menekan. Hal ini dapat dilihat melalui lirik seperti berikut:

*You're working for the man  
 Slaving for the company  
 Selling your soul away  
 Punching meter everyday  
 Twenty years had gone astray  
 Suddenly realised  
 Did you dream materialise?*

Tajuk: *Don't Wanna Be You*

Kumpulan: *Carburator Dung*

Album: *The Allure of Manure*

Selain itu lirik yang bermesejkan kesedaran turut dihasilkan oleh pemuzik rock bawah tanah dalam sesetengah lagu mereka. Contohnya, kumpulan *Koffin Kanser* dalam album *Soul: New Agenda* telah memaparkan beberapa lirik berunsur konflik, kesedaran atau motivasi diri.

*Paralyzed mind...  
We shout without voice  
We cry without tears  
We're proud without honour  
We're name without meaning...*

Tajuk: *Paralyzed Mind*  
Kumpulan: *Koffin Kanser*  
Album: *Soul: New Agenda*

Suasana muzik rock bawah tanah tidak hanya diserikan oleh lirik lagu yang bersifat realiti, malah ia turut menyelitkan elemen-elemen mistik dan kematian seperti yang dihasilkan oleh kumpulan muzik *death*, *black* dan *gothic metal*.

*My soul flown between the gallows pole  
God never accept my soul  
But Devil receive my sin  
God blasted me but evil blessed my soul  
In dungeon my soul being burnt  
Along with my immortal sins*

Tajuk: *Scream of Desprate Souls*  
Kumpulan: *Mandatory*  
Album: *Mandatory*

Bahasa juga turut diambilkira sebagai salah satu ciri khusus lagu rock bawah tanah. Rata-rata lagu dalam dunia muzik bawah tanah berbahasa Inggeris, dan remaja juga turut memberi reaksi yang positif terhadap penghasilan lagu dalam bahasa Inggeris. Ciri-ciri khusus seperti muzik, lirik, tema dan bahasa memainkan peranan yang cukup penting dalam menjadikan muzik rock bawah tanah itu diminati oleh penggemarnya. Kebanyakan peminat muzik rock bawah tanah meminati jenis muzik tersebut kerana muzik rock bawah tanah mempunyai ciri-ciri khusus yang menarik seperti dari segi lirik, tema, rentak dan sikap pemuzik itu sendiri. Bagi mereka, sememangnya ciri-ciri khusus itulah yang menunjukkan identiti muzik rock yang sebenar berbanding ciri-ciri muzik rock dalam aliran perdana.

## PANDANG DUNIA PENGGIAT DAN PEMINAT MUZIK ROCK BAWAH TANAH

Secara umum pandang dunia merujuk kepada cara seseorang individu mentafsir atau memberi makna kepada sesuatu perkara atau objek dalam persekitaran sosialnya. Dalam kajian ini pandang dunia remaja terbatas kepada reaksi mereka terhadap orang dewasa, ibu bapa, pihak polis dan pihak-pihak berkuasa yang lain, iaitu golongan yang dianggap 'berwibawa' dalam masyarakat. Selain itu sikap remaja terhadap agama dan nilai-nilai tradisional juga turut diteliti. Tinjauan terhadap pandang dunia remaja dilakukan guna melihat kaitannya dengan dunia remaja umumnya dan kesejahteraan sosial golongan tersebut khususnya.

Dari kalangan 40 orang remaja, 32 orang (80.0 peratus) memberi reaksi negatif terhadap pihak berkuasa dengan 'menuduh' bahawa "pihak berkuasa selalu mencari masalah dengan remaja" atau "mencari hal" dan "mereka (pihak berkuasa) juga sering menganggap golongan remaja sebagai 'musuh'. Enam orang remaja (15.0 peratus) berpendapat bahawa beberapa orang pegawai pihak berkuasa menjalankan tugas mereka dengan baik. Walau bagaimanapun, secara umum mereka (pihak berkuasa) tetap memandang negatif terhadap remaja yang terlibat dengan muzik rock bawah tanah.

Selain pihak yang melaksanakan kuasa, remaja turut memberi reaksi negatif terhadap pihak pemerintah. Sebanyak 34 orang responden (85.0 peratus) mengakui bahawa pemerintah sebenarnya sering mempermasalahkan penglibatan remaja dalam muzik rock bawah tanah sedangkan mereka "umumnya tidaklah terlibat dalam pelbagai gejala sosial yang serius seperti lepak, bohsia, kes juvana atau kes jenayah". Fenomena-fenomena seperti tersebut lebih sering dikaitkan dengan muzik rock dan penggiat atau peminatnya sehingga menyebabkan masyarakat "memandang serong terhadap diri mereka" atau "remaja rock lazim menjadi sasaran kritikan masyarakat umum".

Sebanyak 32 orang remaja (80.0 peratus) mempunyai tanggapan negatif terhadap golongan dewasa. Mereka berpendapat golongan dewasa sering menganggap pendapat remaja sebagai 'masih mentah' dan "sesetengah mereka memandang negatif jika seseorang remaja cuba meluahkan pendapat dan melakukan sesuatu aktiviti seperti terlibat dalam muzik rock bawah tanah". Bagi responden, penglibatan mereka dalam aktiviti seperti itu adalah sebagai suatu hak. Remaja menganggap mereka bukan sahaja menjadi mangsa kepada perubahan dan sistem masyarakat, tetapi juga menjadi sasaran kritikan golongan dewasa.

Dua puluh empat orang remaja (60.0 peratus) berpendapat bahawa hubungan mereka dengan ibu bapa akrab dan orang tua mereka masih memberi ruang kebebasan untuk mereka meminati sebarang jenis muzik. Keadaan ini berbeza dengan 16 orang responden (40.0 peratus) yang menyatakan bahawa ibu bapa mereka tidak memahami langsung 'kehendak jiwa remaja' yang cenderung meminati muzik 'keras' seperti muzik rock. Bagi mereka faktor jurang generasi

telah mempengaruhi perbezaan pendapat antara golongan remaja dengan ibu bapa mereka.

Secara keseluruhan remaja mempunyai pandangan yang positif terhadap agama kerana agama dianggap penting sebagai panduan hidup. Bagi mereka nilai-nilai murni dalam kehidupan mempunyai kaitan yang rapat dengan ajaran agama. Yang dipermasalahkan oleh remaja adalah keadaan sesetengah anggota masyarakat yang “memandang remaja yang meminati muzik rock bawah tanah hanya dari segi luaran, sedangkan sikap dan kebaikan seseorang tidak seharusnya dilihat secara ‘begitu’, misalnya melalui pakaian, pertuturan, penampilan diri atau sesuatu tingkah laku tertentu sahaja”. Imej peminat atau penggiat muzik rock bawah tanah tidak seratus peratus melambangkan bahawa diri mereka ‘berbeza’ daripada ‘orang biasa’. Mereka menjelaskan bahawa yang lebih penting untuk dinilai adalah keikhlasan niat seseorang. Para responden mengkritik segelintir anggota masyarakat, terutamanya golongan dewasa atau pemimpin masyarakat yang cenderung memandang remaja muzik rock bawah tanah hanya dari segi lahiriah, sedangkan mereka “patut berusaha menyelami perkara yang sebenar yang tersirat dalam jiwa remaja seperti mereka”.

Secara keseluruhan remaja memberi respons yang positif terhadap nilai-nilai tradisional. Mereka masih akur pada nilai-nilai masyarakat seperti berlaku sopan, hormat-menghormati, tolong-menolong dan saling prihatin antara satu sama lain. Semua ini dianggap perlu demi kesejahteraan bersama masyarakat. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir responden yang mempunyai pandangan yang agak berbelah-bagi terhadap nilai-nilai tradisional masyarakat yang mengongkong seseorang misalnya menyekat kebebasan bersuara, atau sesetengah anggota masyarakat yang cenderung mengkritik cara penampilan seseorang melalui pakaian, jenis muzik yang dianggap ‘melanggar tradisi’ masyarakat Timur umumnya dan masyarakat Melayu khususnya. Menurut segelintir remaja sesetengah amalan tradisional masih perlu diteruskan, tetapi terdapat ‘adat’ yang dianggap tidak lagi sesuai dalam dunia moden, seperti amalan suka menolak pandangan remaja, mudah memandang serong terhadap orang lain, dan kurang berlaku adil terhadap orang muda.

Pandang dunia yang memaparkan keresahan atau kekecewaan golongan remaja terhadap sesetengah bentuk kawalan sosial dalam masyarakat, penekanan mereka pada unsur-unsur hak dan keadilan, dan pandangan tentang peripentingnya remaja kini diberikan ‘sedikit’ pilihan banyak mencirikan kehendak peminat dan penggiat muzik rock bawah tanah. Namun begitu, corak penentangan yang diperlihatkan oleh remaja Melayu bandar dalam kajian ini ‘kurang lantang’, terbatas dan tidaklah terlalu radikal.

## SUARA PEMINAT MUZIK ROCK BAWAH TANAH

Beberapa orang responden telah ditemu bual secara mendalam mengenai pandangan dan pengalaman mereka berhubung dengan muzik kontemporari

umumnya dan muzik rock bawah tanah khususnya. Mereka telah memperkenalkan diri mereka menggunakan nama-nama seperti yang terdapat dalam bahagian ini, dan mereka ‘bercerita’ atau mengulas tentang beberapa pengalaman berkaitan dengan dunia muzik, cabaran bagi golongan remaja dan keresahan yang dihadapi. Berikut adalah sajian pandangan beberapa orang peminat muzik rock bawah tanah.

#### KES 1: FADLIE (20 TAHUN)

Fadlie mula menikmati muzik sejak di bangku sekolah lagi. Menurut beliau, pengaruh muzik banyak diterima daripada kawan-kawan dan media massa. Sungguhpun umumnya beliau meminati semua jenis muzik, *genre* muzik yang paling diminati adalah *metal*. Fadlie mengkategorikan beberapa jenis muzik metal yang diminati, antaranya termasuk *death metal*, *doom metal*, *black metal* dan *new age metal*.

Pada pendapat beliau muzik bergerak selari dengan sesuatu trend dan beliau tidak menafikan bahawa imej yang digayakan oleh remaja kebanyakannya didapati ‘selaras’ atau ‘bersatu’ dengan irama muzik yang mereka minati. Namun begitu, bagi Fadlie beliau kurang bersetuju dengan keadaan segelintir remaja yang begitu taksub terhadap fesyen dan muzik kerana apa yang sebenarnya berlaku adalah satu keadaan di mana ‘para pengikut’ muzik dan fesyen itu sangat terpesona oleh sesuatu. Beliau menjelaskan bahawa banyak remaja gemar ‘berfesyen’ secara ikut-ikutan yang melambangkan sikap suka meniru tanpa benar-benar ‘sedar’ tentang apa yang dilakukan, atau sama ada yang dilakukan mereka benar-benar merupakan sesuatu yang digemari, diminati atau remaja sendiri berasa selesa dengannya (muzik dan/atau fesyen). Mereka yang memaparkan tingkah laku yang suka mengikut-ikut digelar sebagai ‘*posers*’ atau orang yang suka berpura-pura.

Beliau juga menganggap tidak wajar bagi dirinya atau orang lain menilai ‘sikap’ (*attitude*) seseorang berasaskan ‘kulit semata-mata’. Fadlie akui manusia berbeza-beza, maka dianggap kurang tepat jika seseorang itu membuat ‘tohmahan’ tanpa terlebih dulu mengenal diri orang yang hendak diperkatakan. Bagi beliau membuat ‘kesimpulan’ atau bertindak secara prejudis amat berbahaya dan perbuatan tersebut seharusnya tidak dilakukan.

Bercerita tentang muzik *metal*, Fadlie menjelaskan bahawa walau apa bentuk muzik moden yang muncul di negara kita muzik tersebut lazimnya berakar-umbi dari Barat, tetapi kadang-kala sesebuah muzik itu diubahsuai. Beliau berkata “Kita cuma berperanan dalam ‘mengubahsuai’ muzik tersebut. Tetapi kadang-kadang, masyarakat kita agak *double standard* kerana pada satu masa masyarakat gemar pada alunan muzik Barat seperti pop, jazz dan R&B, tetapi pada ketika yang sama mereka agak ‘pesimis’ terhadap *genre* muzik Barat yang lain seperti *heavy metal*, *punk*, dan *hardcore*”. Fadlie menjelaskan bahawa kesan daripada keadaan “terima dan tidak terima” inilah yang menyebabkan muzik yang ‘tidak

diterima' oleh kelompok masyarakat umum mula bergerak secara bawah tanah. Selain itu, dunia muzik *underground* lebih *happening* (hebat serta seronok) berbanding muzik komersil. Keadaan ini kerana bagi penggemal muzik rock bawah tanah mereka bebas menghasilkan bentuk muzik mengikut citarasa sendiri.

Akhir sekali, Fadlie memberitahu bahawa sesuatu citarasa, minat dan gaya sebenarnya berubah mengikut peredaran zaman. Baginya "... tidak mustahil pada suatu masa nanti anak kita akan menggemari muzik yang pernah kita sendiri minati. Pada masa sekarang pun terdapat banyak fesyen *old style* (gaya lama) seperti pada zaman tahun-tahun 1960-an, 70-an dan 80-an mula digayakan semula dan hal ini juga sama dengan keadaan muzik.

#### KES 2: BADA (21 TAHUN)

Bada tidak menganggap dirinya sebagai seorang *underground* walaupun beliau amat meminati pelbagai muzik *underground*. Baginya muzik bersifat 'global'. Semua orang berhak memilih jenis muzik yang disukai. Bada menggemari muzik *grunge*. Tambah beliau, meskipun di Malaysia muzik *grunge* bergerak secara bawah tanah, tetapi di negara Barat muzik tersebut sudah lama merentasi sempadan antarabangsa. Oleh itu, tidak mustahil muzik *underground* itu hanyalah satu perkataan permulaan untuk memperkenalkan muzik jenis baru. Bada memberi contoh kumpulan *grunge* Barat seperti *Nirvana*, *Sound Garden* dan *Pearl Jam* yang dahulunya disifatkan sebagai *underground*. Kini muzik kumpulan-kumpulan tersebut kedengaran di seluruh dunia.

Menyentuh tentang imej dan budaya, Bada berpendapat bahawa kadangkala remaja mudah terikut-ikut dengan budaya Barat tanpa menilai akan baik buruk budaya tersebut. Bagi remaja yang agak berpendidikan tinggi, mereka lebih cerdik misalnya dalam menggayakan pakaian yang disesuaikan dengan minat mereka dalam bidang muzik dan mereka seolah-olah lebih prihatin tentang nilai dan budaya berpakaian. Namun, menurut Bada, tidak semua remaja (yang berpendidikan) bersikap demikian.

Bada selanjutnya mengatakan bahawa minat terhadap muzik *grunge* di kalangan remaja banyak dipengaruhi oleh kawan-kawan, media dan pendidikan. Beliau beranggapan keikhlasan dalam 'bermuzik' (melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti berkaitan dengan muzik) itu penting tidak kira sama ada seseorang berada atau bergiat dalam aliran muzik *mainstream* (aliran perdana) ataupun *underground*. Ini kerana "... kita lebih 'bebas' untuk berkarya dan tidak dihalang oleh mana-mana pihak. Walaupun terdapat artis dan pemuzik yang bekerja dengan 'major labels' (syarikat-syarikat rakaman besar), tetapi sekiranya mereka boleh 'bikin' lagu mengikut 'selera' mereka sendiri, maka ia (pembikinan lagu) adalah sesuatu yang baik". Contoh pemuzik antarabangsa yang berupaya 'berkarya secara bebas' adalah *Metallica*, *Offspring*, *Green Day*, dan *Oasis*. Pemuzik sebuah negara jiran yang sepertinya adalah kumpulan Sheila on 7, Dewa dan Gigi. Mereka semua dikatakan berada di bawah 'major label', tetapi masih boleh menghasilkan

muzik mereka tersendiri. Keadaan ini menunjukkan adanya sesuatu kelebihan dan kejayaan pada pemuzik atau artis seperti tersebut.

Bada turut menjelaskan bahawa “kita (remaja) mempunyai hak untuk memilih muzik dan juga cara berpakaian”. Bagi beliau apa yang penting adalah mereka (remaja) harus pandai menilai sesuatu yang sesuai. Bada agak sinis terhadap misalnya sesetengah remaja yang berpakaian ‘rojak’ dan tidak pandai ‘mengukur baju mengikut badan sendiri’. Dalam dunia yang bertambah maju dan dengan terdapatnya berbagai-bagai perubahan, apa sahaja boleh terjadi, iaitu tidak ada sesuatu yang ‘tidak mustahil’ boleh terjadi. Misalnya Bada menyatakan “... mungkin pada suatu masa, muzik keroncong (kita) boleh ‘berkembang maju’ dan ‘diadaptasikan kepada perkembangan atau gaya muzik *reggae*; ataupun muzik irama Malaysia boleh berubah rentak seperti alunan *R&B*. ... tiada apa yang mustahil boleh terjadi!”.

### KES 3: FARAH (22 TAHUN)

Farah bukan sahaja meminati muzik malah beliau turut berkebolehan bermain alat muzik. Meskipun beliau lebih meminati berbagai-bagai jenis muzik aliran perdana seperti pop, *R&B*, *jazz*, *soul* dan rock, Farah tidak menafikan turut menggemari muzik yang bersifat bawah tanah. Baginya “... muzik aliran perdana dan bawah tanah tidak banyak berbeza. ... Kalau berbeza pun ia adalah dari segi mesej dan stail sahaja”. Farah menjelaskan dalam bidang muzik, populariti sesuatu jenis muzik turut memainkan peranan dalam mempengaruhi pengikut-pengikutnya (*followers*) dari berbagai-bagai segi seperti kadar kekerapan sesebuah muzik atau lagu itu didendangkan, stail muzik yang dihasilkan, dan mesej yang difahami.

Menurut Farah “... kita mungkin tidak perasan (dapat lihat) populariti artis-artis Barat dahulu dan sekarang yang telah membawa kepada munculnya kelompok-kelompok peminat tertentu. Beliau memberi contoh kelompok-kelompok peminat *The Beatles*, *The Rolling Stone*, dan Elton John. Menurut Farah “... Hal ini turut berlaku dalam arena muzik tempatan di mana populariti artis-artis seperti Siti Nurhaliza, M. Nasir, kumpulan Search, KRU, XPDC ... Mereka juga mempunyai kelompok peminat mereka sendiri”. Farah berpendapat bahawa populariti itu baik tetapi biarlah wajar, iaitu muzik yang disampaikan kepada orang ramai harus berkualiti dan sesuai, supaya pemuzik, misalnya pemuzik tempatan, tidak dianggap “cuma harap paras (wajah) yang cantik, tetapi pertunjukan (*performance*) hambar dan tidak ‘tentu hala’”. Bagi Farah dalam industri muzik tempatan misalnya “... itulah yang lebih sering berlaku”.

Menyentuh tentang isu imej dan gaya berhubung dengan muzik dan pakaian di kalangan remaja, Farah menjelaskan bahawa hal tersebut berkait rapat dengan gaya pakaian dan stail rambut. Walau apa pun gaya yang diperagakan oleh remaja, bagi Farah, ia merupakan hak seseorang untuk mengikut fesyen ‘yang macam mana’. Namun, menurutnya lagi, sesuatu gaya pakaian dan stail rambut itu “... biarlah sesuai dengan budaya kita sebagai ‘orang Timur’ ... Nanti apa



pula orang kata bila (orang) nampak kita berpakaian cara Barat ... nampak sana, nampak sini. Bukankah itu sesuatu yang kurang enak? Berpakaian macam orang Barat tidak salah, tapi biarlah berpada-pada!”

Farah turut menyebut tentang perkembangan irama nasyid kontemporari. Beliau berkata irama nasyid mempunyai peminatnya yang tersendiri. Menyentuh persoalan sejauhmana irama tersebut boleh bertahan, Farah berpendapat “... segalanya terletak pada tangan peminat. Selagi peminat boleh menerima, selagi itu ia (irama nasyid) akan bertahan. Sebenarnya apa jenis muzik sekalipun bergantung pada peminat”.

Pada akhir perbualan, Farah menjelaskan bahawa dewasa ini tampak industri muzik tempatan mula lebih terbuka. Maka kelihatan banyak syarikat rakaman mula mempelbagaikan *genre* muzik. Beliau berpendapat bahawa “... inilah masanya untuk kita buktikan bahawa kita boleh bersaing dengan muzik luar, khususnya muzik dari Barat”.

#### KES 4: FARHAN (21 TAHUN)

Farhan meluahkan rasa tidak puas hatinya dengan industri muzik Malaysia aliran perdana yang dari segi kualiti “... semakin lama, semakin merosot”. Beliau berpendapat bahawa industri muzik telah dikuasai oleh mereka yang terlalu mementingkan nilai-nilai komersil. Walaupun Malaysia telah maju dalam banyak bidang, menurut Farhan dalam bidang muzik “kita agak ketinggalan”. Satu faktor utama yang menyumbang kepada keadaan tersebut ialah “kita jarang memberi peluang kepada pemuzik tempatan untuk menghasilkan suatu muzik menurut selera pemuzik”.

Farhan lebih bersetuju dengan “*movement* muzik *underground*” (gerakan muzik bawah tanah) yang lebih bebas (*D.I.Y.*) dan kreatif. Beliau yang gemar irama *alternative*, berpendapat bahawa “... muzik-muzik ‘Mat Salleh’ seperti muzik *indie*, *surf*, *punk* dan sebagainya dihasilkan secara bebas dan kreatif tanpa sebarang sekatan”. Farhan tidak menafikan bahawa perkembangan terkini seperti internet, *zine* (majalah *underground*) dan *indie* label (*Positive Tone*, *Strange Culture Record*, *Garage Music*, *Psychic Stream* dan *Nebula Record*) telah serba sedikit memberi peluang kepada ‘budak-budak *underground*’ untuk menghasilkan muzik secara lebih terbuka.

Farhan selanjutnya menjelaskan bahawa muzik sekarang sudah mula berpecah atau bercabang kepada pelbagai *genre* baru seperti *hardcore*, *punkcore*, *new age metal*, *ska*, *rapcore*, dan *grunge*. Kemunculan irama nasyid juga turut menawarkan satu variasi dalam industri muzik tempatan. Walau bagaimanapun, Farhan berpandangan bahawa hanya segelintir sahaja peminat irama nasyid yang agak fanatik terhadap irama tersebut dan mereka didapati kurang terbuka atau kurang bersedia untuk menerima kemasukan muzik baru.

Pada akhir perbualan dengan Farhan beliau turut menyebut bahawa kadangkala beliau berasa bosan dengan keadaan politik dan ekonomi semasa. “*Sucks!*”

adalah perkataan yang diucapkan oleh Farhan yang turut menyebut bahawa mesej kesedaran politik, ekonomi dan sosial amat penting untuk diserapkan dalam lagu-lagu. Malangnya hal ini jarang berlaku dalam dunia muzik *mainstream*.

#### KES 5: AZHAR (23 TAHUN)

Azhar banyak bercerita perihal muzik yang dikaitkan dengan isu-isu sosial, ekonomi dan politik semasa. Pada pendapat beliau sebagai pemuzik sama ada dalam arena bawah tanah atau apa saja sekalipun seperti dalam aliran perdana, seseorang itu harus mempunyai kesedaran dan sensitif terhadap isu-isu semasa. Namun, pemuzik dalam arus perdana lebih banyak menumpukan perhatian kepada tema-tema yang sempit seperti percintaan, kekecewaan dan fantasi. Dalam muzik *mainstream* sangat kurang terdapat kepelbagaian tema. Keadaan ini amat membosankan. Kata beliau “... sekiranya kita boleh berfikir secara halus, kita akan dapati hampir semua lagu *mainstream* menyuntik tema-tema seperti tersebut. Tidakkah ini membuat kita (pemuzik) menjadi tidak kreatif?”.

Beliau menjelaskan lagi bahawa sepatutnya anggota masyarakat boleh disedarkan melalui mesej-mesej yang terkandung dalam lagu-lagu tanpa mengira jenis muzik yang didengari kerana minat anggota masyarakat adalah berbeza-beza. Azhar memberitahu bahawa beliau amat kagum dengan pelbagai muzik yang muncul di Barat, yang bukan sahaja mempunyai karakter “bermesej”, bahkan juga muzik tersebut menjadi “juru cakap” bagi kelompok-kelompok tertentu dalam masyarakat.

Azhar berasa kurang senang, bahkan beliau mencemuh sikap segelintir remaja yang berlagak sebagai *posers* atau suka berpura-pura, tiada berpendirian dan kerek (berlagak), terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan muzik dan cara berpakaian. Beliau berpendapat bahawa mereka (remaja) seperti tersebut gemar mengikut secara membuta-tuli sehingga mereka terlupa maruah dan nilai diri. Azhar selanjutnya juga menjelaskan bahawa remaja yang ‘mengikut-ikut’ sebenarnya menjadi ‘mangsa keadaan’ terutamanya dalam era yang penuh dengan kemajuan dan cabaran kini. Kemunculan pelbagai kompleks membeli-belah dan media massa telah menyuburkan lagi minat remaja terhadap barangan yang berkait rapat dengan kehidupan mereka.

Azhar meluahkan rasa tidak puashati terhadap sistem ekonomi dan politik negara. Menurutnyanya “... sistem kapitalis sangat menekan anggota masyarakat biasa dan sistem politik pula sudah kelihatan seperti berat sebelah”. Kata beliau lagi “... ketaksamarataan memberi kesan yang besar pada masyarakat. Mahu tidak mahu kita terpaksa berjuang untuk hidup. *So, fight for our rights!*”. Azhar berharap agar ruang “demokrasi” bagi muzik *mainstream* dan *underground* akan wujud yang membolehkan mesej yang disalurkan sampai kepada pendengar. Ujar beliau, “... Di sinilah orang dapat menilai betapa berharganya sesebuah seni yang bernama muzik”.

## KES 6: ZAMRY (22 TAHUN)

Zamry adalah antara remaja yang tergolong dalam satu kelompok yang amat meminati muzik yang bersifat *rebel* (mempunyai ciri-ciri pemberontakan) seperti punk, *oii*, *rapcore* dan *hardcore*. Namun begitu, beliau turut meminati jenis muzik lain seperti pop, jazz, *soul R&B*, dan tradisional. Zamry berpendapat bahawa muzik yang dipasarkan kini agak bervariasi, tetapi kadangkala syarikat rakaman sangat mementingkan keuntungan. Pada masa yang sama, beliau berkata bahawa muzik bawah tanah lebih '*happening*' berbanding muzik aliran perdana.

Zamry menganggap bahawa salah satu 'penyakit' dalam masyarakat adalah "sesetengah anggota masyarakat atau sesetengah pihak seringkali mencemuh dan tidak memberi peluang kepada golongan remaja untuk meluahkan pendapat mereka". Beliau tidak menafikan bahawa segelintir anggota masyarakat berasa kurang senang dengan minat dan citarasa remaja seperti dalam bidang muzik dan fesyen. Keadaan ini berlaku kerana wujudnya masalah jurang generasi antara golongan dewasa dengan golongan remaja.

Apabila ditanya tentang perkembangan muzik terutamanya yang berkaitan dengan jenis dan trend, Zamry berpendapat bahawa dalam era yang 'serba canggih ini', jenis dan trend muzik berkembang secara serentak. Beliau menjelaskan "... Apa tidaknya? Kini segala bentuk muzik dan trend muzik 'bersepah-sepah' di pasaran. Tepok dada, tanyalah selera!" Namun begitu, Azhar ingin mengingatkan dirinya sendiri dan sesetengah golongan remaja tentang batas-batas budaya dalam masyarakat Timur dengan menyimpulkan "... Tetapi janganlah sampai terlupa batas dan susila bila terlalu asyik berhibur".

Bagi Zamry terdapat kecenderungan untuk jenis muzik dan trend muzik bersifat global. Begitu jugalah halnya dengan fenomena fesyen pakaian di kalangan remaja. Sekali lagi, beliau ingin mengingatkan 'pengikut-pengikut' muzik dan fesyen tentang ketaksuban mereka terhadap muzik dan fesyen pakaian Barat. Menyentuh tentang pakaian misalnya, Zamry berkata "... Kita cuma kadang-kadang terlupa sama ada fesyen yang kita gayakan itu sesuai atau tidak ... . Takut nanti ada orang yang berkata 'macam koboii tunggang lembu pula!' Bukankah itu sesuatu yang memalukan?"

## KES 7: LAILI (23 TAHUN)

Laili mengemukakan pandangan berhubung dengan kritikan sesetengah anggota masyarakat terhadap remaja perempuan yang cenderung meminati muzik rock Barat dan berpakaian ala-Barat. Beliau berkata "... masyarakat umumnya terlalu cepat melatah dengan perubahan baru. Masyarakat perlu melihat terlebih dahulu apakah *content* (isi) sebenar yang terkandung dalam muzik dan fesyen Barat. Ini kerana tidak semua yang datang dari Barat itu bersifat negatif".

Menyentuh tentang orang Melayu, Laili berpendapat bahawa memang benar orang Melayu sangat kaya dengan nilai-nilai tradisional. Namun, apa yang sering terjadi adalah kadangkala sesetengah nilai tersebut menjadi semacam 'pagar'

yang menyekat seseorang. Remaja perempuan mudah dilabelkan dengan pelbagai imej apabila mereka dikatakan atau dianggap melanggar nilai-nilai masyarakat. Laili menegaskan “Apabila remaja perempuan memakai jeans, menonton konsert, menikmati muzik rock dan sebagainya, mereka dianggap ‘agresif’. Selanjutnya, pasti mereka akan dihukum dengan pelbagai persepsi yang negatif oleh segelintir anggota masyarakat”.

Walaupun kebebasan dianggap penting bagi remaja, Laili berasa risau sekiranya ruang kebebasan bagi mereka (terutama remaja perempuan) disalahgunakan. Jika hal sedemikian berlaku ia boleh menyebabkan wujudnya pandangan yang negatif terhadap golongan remaja umumnya kerana “disebabkan nila setitik, rosak susu sebelanga”. Walau apapun, masyarakat dikatakan banyak menghadapi perubahan. Laili selanjutnya berpendapat bahawa “... dunia yang kita lalui sekarang sangat jauh berbeza daripada zaman mak ayah kita. Jadi, yang penting kita kenalah tahu dan faham tentang sesuatu situasi itu ... . Dengan itu, mungkin sikap kompromi akan lahir. Yang paling penting bagi saya adalah kasih sayang daripada kedua-dua ibu bapa saya”.

#### AMALAN MUZIK ROCK BAWAH TANAH DAN PEMBANGUNAN MANUSIA

Kedatangan muzik rock di Malaysia bukan sahaja dianggap satu trend muzik. Ini kerana penerimaannya oleh generasi muda pada awal tahun 1980-an juga merupakan ekspresi jiwa muda yang menginginkan kelainan serta kebebasan dalam mencipta gaya hidup baru dan bergabung di bawah satu citarasa. Hadirnya irama rock di persada muzik tanah air bukan hanya telah memeriahkan lagi industri muzik, tetapi pada masa yang sama arus muzik tersebut telah membawa satu pengaruh baru kepada dunia sosial remaja. Salah satu pengaruhnya ialah munculnya satu sub-budaya di kalangan segelintir remaja, iaitu dunia muzik bawah tanah (*the underground scene*).

Kebanyakan remaja yang terlibat dalam sub-budaya muzik rock bawah tanah cenderung bertumpu kepada muzik Barat, kerana pada sebahagian besar nilai-nilai yang dikaitkan dengan ‘jiwa’ remaja banyak terdapat dalam muzik rock tersebut. Sebagai contoh, muzik *punk* banyak mengandungi nilai-nilai yang menyentuh kehidupan sosial remaja yang bersifat memberontak (*rebellious*), anti-pihak berkuasa (*anti-establishment*), dan yang menekankan peripentingnya kebebasan dan betapa buruknya kongkongan dalam berbagai-bagai aspek kehidupan.

Meskipun pada sebahagiannya sub-budaya muzik rock bawah tanah tempatan telah mengalami beberapa proses penyesuaian kepada keadaan sosial tempatan, secara umum sub-budaya muzik rock tempatan masih banyak mengekalkan sifat asal muzik rock termasuklah ideologi umumnya. Misalnya, banyak remaja rock mungkin didapati kurang berpakaian secara ‘ekstrim’ dan

mendengarkan muzik yang memuatkan mesej anti-agama, anti-pihak berkuasa dan sebagainya, tetapi pada asasnya mereka berpegang kepada ideologi yang menekankan unsur-unsur perlunya berdikari, bersatu dan berada di bawah satu bendera demi kesepaduan kelompok. Secara langsung dan tidak langsung ideologi itu mempunyai kaitan dengan pandang dunia remaja dan reaksi mereka terhadap nilai-nilai tradisional, autoriti dan pengalaman khusus kelompok remaja. Tingkah laku ‘riang dan ekspresif’ yang ditunjukkan sekumpulan remaja misalnya dalam sebuah pertunjukan muzik adalah satu tindak laku kolektif bagi melahirkan perasaan “gembira, seronok, tahan lasak (*rugged*) dan seakan-akan membantah batas-batas budaya dan autoriti golongan dewasa dan pihak yang berwibawa”. Melalui muzik dan penghayatannya mereka juga terlibat dalam mengaksikan semula dunia remaja dalam satu bentuk dan konteks yang dianggap ‘sesuai’ dan memungkinkan mereka melakukannya secara berkumpulan.

Sub-budaya muzik rock bawah tanah merupakan satu saluran untuk remaja ‘mempraktikkan ciri-ciri remaja semasa’. Muzik tersebut menawarkan suatu ruang sosial dan politik bukan sahaja untuk mereka berhibur atau ‘berkumpul bersama’, tetapi mengekspresikan identiti dan tuntutan golongan muda yang dianggap paling ‘o.k., sesuai, kreatif dan bersemangat *independent*’. Malah, bagi banyak peminat dan penggiat muzik rock bawah tanah ‘menikmati’ sesuatu jenis muzik merupakan sebahagian besar daripada gaya hidup remaja yang boleh dikatakan wujud tidak kira zaman.

Pada sebahagian besarnya, proses penyesuaian kepada keadaan sosial tempatan tidak menghalang *undergrounders* daripada terus berpegang pada prinsip yang menekankan penentangan terhadap ketidakadilan sosial, kebebasan, perlunya berdikari dan bersatu. Malah prinsip-prinsip asas inilah yang secara langsung dan tidak langsung berperanan menggubal atau membentuk pandang dunia anak-anak muda tersebut dalam konteks hubungan mereka dengan lingkungan sosial, baik secara peribadi mahupun sosial.

Banyak penggiat dan peminat muzik rock bawah tanah tampak melahirkan bibit-bibit reaksi yang skeptik dan antagonistik terhadap sesetengah pihak dalam masyarakat, memberi pandangan yang tertentu tentang situasi politik secara umum, menentang nilai-nilai yang dianggap ‘ortodoks’ dan mereka juga bersikap membenci golongan kapitalis yang mengeksploitasi ‘sesetengah segmen masyarakat’, dan mereka yang ‘mengaut keuntungan yang sangat lumayan’ daripada artis dan kumpulan muzik. Ternyata, pada sebahagian besarnya, remaja yang terlibat secara langsung dalam dunia muzik bawah tanah menjadikan muzik mereka bukan hanya sebagai sumber hiburan, malah muzik tersebut merupakan satu saluran untuk meluahkan perasaan, sentimen dan pendirian diri remaja secara individu dan kolektif.

Pembangunan manusia kini telah melampaui persoalan yang bersifat ‘teknikal’. Perhitungan untuk menjamin peningkatan pembangunan manusia yang berimbang dan mapan telah meletakkan manusia itu sendiri ‘di tengah pentas’ (Mahbub ul Haq 1995). Keadaan tersebut bukan sahaja menekankan manfaat

atau keuntungan dari segi ekonomi, misalnya melalui penghasilan produktiviti yang lebih tinggi, malah pembangunan manusia juga dikatakan perlu memastikan wujudnya pembangunan insan yang kaya dan kukuh dari segi sosiobudayanya dan sejahtera dalam meneruskan kehidupan. Setiap golongan manusia dalam masyarakat perlu merasakan diri mereka terakomodasi secara baik dan saksama dalam pelbagai usaha untuk membangun negara dan masyarakat. Justeru, penyertaan remaja dalam pelbagai proses membuat keputusan terutamanya yang melibatkan diri mereka dianggap signifikan dan sebaiknya dialu-alukan. Selain itu jika pilihan merupakan sesuatu yang boleh dilakukan oleh remaja, maka pilihan itu harus yang berasaskan maklumat.

Kajian ini menunjukkan segolongan remaja Melayu bandar sebagai ejen sosial yang berdepan dengan suatu situasi yang dari satu pihak mungkin menarik, tetapi di pihak yang lain pula mungkin bersifat mencabar suasana budaya tempatan baik bagi masyarakat umum mahupun golongan remaja itu sendiri. Di kalangan remaja terdapat satu sistem makna dan tindak laku yang dikaitkan dengan amalan muzik tertentu yang amat diminati. Justeru yang sering berlaku adalah proses tawar-menawar antara golongan tersebut dan lingkungan sosial mereka. Keadaan ini merupakan satu pengalaman khusus dalam proses kelangsungan golongan remaja dalam masyarakat yang berubah-ubah.

## KESIMPULAN

Dalam menghadapi pelbagai cabaran perubahan, golongan remaja muzik rock bawah tanah terlibat secara aktif dalam ‘mencorak’ reaksi tertentu berhubung dengan pengalaman hidup mereka. Dalam hal ini yang diamati adalah keadaan remaja yang telah diperkasakan daripada beberapa segi melalui misalnya pendidikan, kewangan, maklumat dan pilihan peribadi, tetapi pada masa yang sama mereka tidak terlepas daripada tuntutan-tuntutan semasa arus kapitalisme, pemodenan, budaya kepenggunaan, dan nilai-nilai kelompok. Pengalaman hidup remaja kini lebih kompleks atau sofistikated berbanding dahulu pada sebahagiannya disebabkan pendedahan mereka kepada lebih banyak pengetahuan dan pelbagai pengaruh. Yang sering dihadapi sesetengah remaja adalah pelbagai konflik yang mengiringi sesuatu pilihan dan tindak tanduk mereka. Maka, mungkin dalam keadaan sedemikian usaha untuk memahami golongan remaja secara lebih dekat dianggap sesuai demi memastikan kesejahteraan mereka dalam masyarakat dapat dinilai dari semasa ke semasa. Seandainya pembentukan jati diri itu ada tempatnya dalam pembangunan manusia, dan dianggap relevan dalam konteks membina generasi masa depan Malaysia yang lebih baik, maka menyelami dan mengapresiasi dunia remaja boleh merupakan salah satu langkah positif yang terawal ke arah memenuhi tujuan tersebut secara bersama.

Kajian ini memperlihatkan keterlibatan remaja Melayu bandar dalam satu budaya yang dari segi sejarahnya lahir di Barat, dan dalam banyak hal sesetengah

anggota masyarakat menilainya sebagai sesuatu yang asing daripada budaya tempatan, lantas amalannya dipertikaikan oleh sesetengah pihak. Namun begitu, kehadiran muzik rock bawah tanah dalam dunia sosial sesetengah remaja kini sukar diusir disebabkan pelbagai faktor perubahan sosial yang kompleks serta dinamik, dan pelbagai faktor sosiopsikologikal yang terkait dengan fasa remaja dan pengalaman hidup golongan remaja umumnya.

Penglibatan remaja dalam muzik merupakan satu budaya konsumsi yang nyata, yang padanya terungkap pelbagai sebab atau rasionalisasi yang tertentu. Amalan tersebut dikaitkan dengan pelbagai faktor seperti ciri-ciri khusus sesuatu muzik dan isu-isu tertentu misalnya identiti, status, pilihan dan kebebasan. Selain itu, golongan remaja sendiri sebenarnya terlibat melakukan aktiviti yang berbeza daripada yang terdapat dalam situasi yang mereka perlu berada misalnya apabila di sekolah, rumah atau tempat kerja. Situasi seperti tersebut yang bersifat 'konvensional' dianggap lebih rutin berbanding aktiviti yang berkaitan dengan penggunaan masa lapang. Unsur-unsur seperti kreativiti, kebebasan, autonomi, pilihan, kesepaduan kelompok, dan pemerksaan kelompok secara langsung dan tidak langsung mendasari minat dan keterlibatan remaja dalam muzik rock bawah tanah.

Jenis muzik merupakan di antara beberapa simbol ekspresif yang berperanan mentransformasikan identiti sosial seseorang remaja dalam suatu konteks sosial yang khusus. Simbol-simbol ekspresif menggabungkan pelbagai erti moral dan estetika. Simbol-simbol tersebut bukan hanya mewakili satu dimensi realiti sosial bagi golongan remaja, bahkan ia juga menawarkan kepada seseorang remaja suatu sumber kepuasan peribadi yang bersifat spontan dan segera. Terdapat beberapa nilai dan norma tertentu yang dikaitkan dengan simbol ekspresif berhubung dengan muzik rock bawah tanah dan aktiviti *undergrounders* yang umumnya menyentuh perasaan persaudaraan dan peripentingnya mereka diberi sedikit kebebasan dan pilihan dalam meneruskan kehidupan. Mereka berterusan terlibat dalam memberi makna dan bertindak terhadap sesuatu keadaan yang berlaku di sekeliling mereka.

Banyak remaja didapati peka terhadap nilai-nilai baru, citarasa, dan sentimen kolektif remaja masa kini. Mereka juga tidak memperkecilkan peranan media dan telekomunikasi. Kapitalisme moden melalui ejen-ejennya yang tertentu dan cara-cara yang efektif boleh menggunakan 'kesempatan' atau memanfaatkan satu tindakan yang teratur ke atas pengalaman dan gaya hidup golongan remaja kini untuk tujuan keuntungan. Skelton dan Valentine (1998) menegaskan bahawa keremajaan itu memang menarik, tetapi yang utama sebenarnya bukan unsur yang terkandung dalam keremajaan itu, melainkan potensi golongan remaja sebagai konsumen atau pembeli. Menjadikan diri remaja sebagai pelaku atau masalah remaja sebagai fokus, dengan sendirinya akan melariskan pemasaran suatu produk kebudayaan popular. Maka yang sebaiknya dielakkan adalah keadaan remaja yang boleh diperalatkan oleh sesetengah pihak lebih-lebih lagi

dalam situasi apabila kapitalisme, demokrasi, keterbukaan dan kuasa teknologi maklumat boleh mendominasi manusia dan tindak tanduk mereka.

Ciri-ciri dan amalan muzik rock di kalangan remaja Melayu bandar umumnya dipengaruhi oleh pelbagai faktor ekonomi dan sosiobudaya. Seperti fesyen, muzik rock 'ditoleransikan' oleh sesetengah golongan masyarakat sebagai suatu bentuk penggunaan masa lapang yang dibenarkan. Amalan yang terkait dengan muzik rock bawah tanah merupakan suatu ruang yang membolehkan golongan remaja membentuk identiti tersendiri dan menjalin hubungan sosial dalam konteks masyarakat moden. Terdedah kepada keadaan di mana industrialisasi, modenisasi dan kehidupan urban semakin menjadi ciri-ciri yang signifikan dalam masyarakat moden, muzik rock yang diamalkan oleh golongan remaja merupakan sebuah institusi utama untuk membentuk dan selanjutnya mengekalkan jaringan sosial yang bermakna di kalangan remaja Melayu bandar. Selain itu muzik rock dan amalannya juga menjadi satu sumber utama bagi satu perasaan diperkasakan dan satu bentuk sokongan yang bersifat timbal-balik, meskipun didapati sesetengah remaja tidak semestinya berasa benar-benar diperkasakan oleh idea-idea atau pengalaman baru dalam zaman moden ini.

Bagi sesetengah remaja, mengkomodasi pelbagai elemen dalam bidang gaya hidup juga dianggap satu strategi untuk meletakkan diri mereka ke dalam satu *niche* yang diperlukan untuk kelangsungan hidup. Disebabkan muzik rock berkait rapat dengan pelbagai pengaruh global, dan pada masa yang sama sesetengah golongan remaja perlu bertindak balas terhadap pelbagai tuntutan budaya dan agama, maka amalan muzik juga melibatkan satu cara bagi remaja mengenal identiti golongan tersebut yang jelas berbeza daripada identiti sosial golongan dewasa. Hal ini merupakan sesuatu yang amat relevan untuk direnungkan bersama oleh pelbagai pihak dalam menjana dan menilai pembangunan manusia secara saksama, bersifat semasa, berdaya maju dan berdaya tahan. Langkah ini mempunyai potensi yang cukup bernilai agar kita dapat membina masa depan yang lebih menjamin penglibatan golongan remaja secara aktif dan positif sekalipun pelbagai cabaran perubahan itu meningkat.

Meskipun terdapat pelbagai muzik bagi golongan remaja, ternyata muzik rock bawah tanah lebih diminati golongan *undergrounders*. Muzik tersebut mempunyai kualiti pembujukan (*seduction*) dan penentangan (*resistance*), dan peranan *icon* muzik popular Barat didapati sama penting. Dalam zaman pasca moden, bidang gaya hidup secara keseluruhannya akan menjadi lebih berbeza, iaitu lebih berpelbagai dan heterogen. Hubungan antara pelbagai faktor sosioekonomi akan terus menjadi kuat, tetapi perbezaan pada cara-cara ekspresi juga akan meningkat oleh kerana remaja juga memilih gaya hidup berasaskan pelbagai faktor lain. Sesetengah remaja menganggap pelbagai perubahan sosial 'menguntungkan' mereka, namun bagi yang lain pula perubahan sosial tidak semestinya 'memperkuhkan' kebebasan dan autoriti golongan remaja. Terdapat di kalangan sesetengah penggiat dan peminat muzik rock bawah tanah yang mempersoalkan fungsi nyata dan laten sesuatu perubahan dengan kesan



tertentunya terhadap nilai-nilai dan kawalan sosial. Bagi mereka, yang menjengkelkan juga adalah pengalaman menjadi sasaran kritikan dan prejudis sesetengah golongan dewasa atau pihak-pihak yang berkuasa.

Fenomena perubahan umumnya hampir tidak dapat atau sama sekali tidak dapat disekat kini. Namun, manusia perlu kewarasan dan kebijaksanaan dalam memilih persoalan mendasar dan motif-motif serta misi masyarakat moden. Sebagai ejen sosial golongan remaja boleh memilih, tetapi yang lebih penting mereka memilih sewajarnya dan dapat mengawal arah yang dituju oleh kolektiviti sosial mereka agar mereka berupaya meraih makna dalam hidup. Dalam era kini remaja sebaiknya memberi erti yang sebenar kepada perkara-perkara seperti kebebasan dan hak manusia, akauntabiliti awam, keadilan, demokrasi, dan cita-cita ideal bagi meningkatkan kualiti kehidupan.

Golongan remaja juga boleh bertindak untuk memperoleh makna-makna sosial yang rasional dan memuaskan apabila kemodenan melalui institusi-institusinya tampak gagal memenuhi keperluan budaya untuk memberi arah serta makna dalam hidup, tetapi sebaliknya menawarkan kepalsuan atau kedangkalan makna. Dalam hal ini kesedaran kolektiviti sosial merupakan antara yang terpenting yang boleh dimanfaatkan secara teliti agar perkembangan insan dalam pembangunan tidak terkorban. Penglibatan golongan remaja dalam muzik rock bawah tanah bukan merupakan sesuatu yang baru. Muzik rock bawah tanah dan budayanya yang khusus memainkan peranan tertentu bukan sahaja dari segi mempelbagaikan muzik dunia tetapi juga menawarkan satu strategi kelangsungan bagi sesetengah golongan remaja dalam menjalani kehidupan.

Dalam konteks menghadapi pelbagai cabaran pembangunan umumnya, yang diperlukan juga adalah pembentukan jaring keselamatan sementara dalam bentuk khidmat sosial dan kebajikan yang seluas-luasnya bagi golongan remaja. Hal ini boleh dianggap sebagai suatu bentuk sokongan sosial bagi golongan remaja agar kesejahteraan dan kelangsungan mereka terus terjamin. Sehubungan itu, pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan bukan kerajaan dari berbagai-bagai segi untuk menggerakkan struktur pemeraksanaan golongan remaja memperlihatkan tindakan yang tepat ke arah menitikberatkan unsur 'manusia' dalam pembangunan sosial.

Pelbagai ciri sosial remaja, pengalaman khusus dan cabaran sosial yang dihadapi remaja perlu dikaji secara teliti dalam sebarang perbincangan tentang pembangunan manusia dalam sesebuah masyarakat. Gunanya, antara lain, bukan sahaja untuk menghasilkan suatu indeks pembangunan manusia, tetapi juga untuk menghasilkan suatu pendekatan yang menyeluruh atau holistik tentang pembangunan manusia, iaitu satu pendekatan yang memerlukan data-data yang kaya tentang remaja, yang mencakupi aspek-aspek ekonomi, politik, sosial dan budaya. Dengan itu, apabila pembangunan manusia dikatakan perlu menekankan aspek 'manusianya', maka beberapa manifestasi nilai, pandang dunia dan gaya hidup remaja mempunyai kerelevanannya yang khusus dalam usaha mempertingkatkan pembangunan insan seperti golongan remaja.

## PENGHARGAAN

Makalah ini adalah berdasarkan kajian yang dijalankan dalam rumpun Kajian Arus Perdana 1/98, UKM. Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak UKM atas sumbangan dana dan kerjasama yang diberikan.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Md. Aroff. 1984. Kemoralan sosial: satu tinjauan ringkas. *Ilmu Masyarakat* 7: 101-104.
- Allen, J. 1995. Global worlds. Dlm. Allen, J. and D. Massey (eds.). *Geographical Worlds*. Oxford: Oxford University Press. pp. 106-37.
- Berger, E. 1990. *From Rock to Rock: The Music of the Darkness Exposed*. USA: Hunting House Inc.
- Brake, M. 1980. *The Sociology of Youth Culture and Youth Subcultures*. London: Routledge.
- Brake, M. 1985. *Comparative Youth Culture, The Sociology of Youth Cultures and Youth Subcultures in America, Britain and Canada*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Chamber, I. 1985. *Urban Rhythm: Pop and Popular Culture*. London: MacMillan Publishers Limited.
- Clarke, J., S. Hall, T. Jefferson & B. Roberts. 1976. Subcultures, Cultures and Class: A Theoretical Overview. Dlm. Hall, S. and T. Jefferson (eds.). *Resistance Thro' Rituals*. London: Hutchinson.
- Coleman, J. C. & C. Warren-Adamson. 1992. *Youth Policy in the 1990s*. London: Routledge.
- During, S. (ed.). 1995. *The Cultural Studies*. London: Routledge.
- Featherstone. 1991. *Global Culture*. London: Sage.
- Fornas, J. & G. Bolin (ed.). 1995. *Youth Culture in Late Modernity*. London: Sage Publications.
- Frith, S. 1978. *The Sociology of Rock*. London: Constable and Company Ltd.
- Frith, S. (ed.). 1988. *World Music, Politics and Social Change*. Manchester: Manchester University Press.
- Garrod, A., L. et al. 1995. *Adolescent Portraits: Identity, Relationships, and Challenges*. Boston: Allyn and Bacon.
- Gelder, K. & Thornton, S. (eds.) 1997. *The Subcultures Reader*. London: Routledge.
- Goh Chee Wee K.R. 1998. Muzik Rock dan Sub-Budaya Remaja. *Latihan Ilmiah*. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Griswold, W. 1994. *Cultures and Societies in a Changing World*. London: Pine Forge Press.
- Hendry, L.B. et al. 1993. *Young People's Leisure and Lifestyles*. London: Routledge.
- Hurrelmann, K. & Engels, U. (eds). 1989. *The Social World of Adolescents*. New York: de Gruyter.
- Kuczynski, J. et al. 1988. *Perspectives on Contemporary Youth*. The United Nations University.
- Ku Seman Ku Hussain. 1999. Perihal Anak Muda dan Dunianya. Dlm. *Massa* 13 Februari. ms. 59.
- Ku Seman Ku Hussain. 1999. Rock and roll sebuah retrospektif. Dlm. *Massa* 29 Mei ms. 59.

- Mahbub ul Haq. 1995. *Reflections on Human Development*. New York: Oxford University Press.
- Massa, Julai 1993.
- Massa, Mei 1999.
- Milson, F. 1972. *Youth in a Changing Society*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Ng Chong Meng Andy. 1994. Sub-budaya RAP di Kalangan Remaja Bandar Kuala Lumpur. *Latihan Ilmiah*. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Poole, M. E. 1983. *Youth, Expectations and Transitions*. Melbourne: Routledge & Kegan Paul.
- Rice, F. P. 1990. *Adolescent: Development, Relationships and Culture*. Massachusetts: Simon and Schuster Inc.
- Roberts, K. 1983. *Youth and Leisure*. London: Allen & Unwin.
- Shaharom TM Sulaiman. 1999. Ekstasi gaya hidup popular. Dlm. *Massa* 29 Julai 64-65.
- Skelton, T. & Valentine, G. (eds). 1998. *Cool Places, Geographies of Youth Cultures*. London: Routledge.
- Slater, D. 1997. *Consumer Culture and Modernity*. Cambridge: Polity.
- Thornburg, H. D. 1982. *Development in Adolescence*. California: Brooks Cole Publishing.
- UNESCO. *Youth in the 1980s*. UNESCO Press.
- Veblen, T. 1966. *The Theory of the Leisure Class*. Dlm. Bendix, R. and Lipset, S.M. (eds.). *Class, Status and Power*. New York: The Free Press.
- Weber, M. 1966. Class, Status and Party. Dlm. Bendix R. and Lipset, S. M. (eds.). *Class, Status, and Power: Social Stratification in Comparative Perspective (2nd. Ed.)*. N.Y.: Free Press.
- Wicke, P. 1990. *Rock Music: Culture, Aesthetic and Sociology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Yinger, J. M. 1960. Counterculture and Subculture. *American Sociological Review* 55: 625-635.
- Yinger, J. M. & S. J. Cutler (eds.). 1979. *Major Social Issues: A Multidisciplinary View*. New York: The Free Press.

Rokiah Ismail, PhD.  
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
e-mail: rokiah@pkrisc.cc.ukm.my